

7

Perdagangan Luar Negeri, Imbangan Pembayaran dan Pertukaran Wang Asing

Prestasi Eksport

Nilai **eksport kasar** dijangka meningkat pada kadar yang jauh lebih perlahan iaitu sebanyak 4.1% kepada RM192.6 bilion pada tahun 1996, selepas mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 20.2% pada tahun 1995. Pertumbuhan eksport yang perlahan ini disebabkan terutamanya oleh eksport **barangan perkilangan** yang dijangka berkembang perlahan dan kemerosotan nilai eksport pertanian. Eksport barangan perkilangan dijangka meningkat hanya pada kadar 5.8%, berbanding dengan pertumbuhan 22.9% pada tahun 1995. Keadaan ini ekoran daripada pertumbuhan pesanan yang perlahan daripada luar negara bagi keluaran elektrik dan elektronik seperti keluaran separa pengalir, alat pandang-dengar, termasuk televisyen dan radio serta juga unit penghawa dingin disebabkan oleh stok yang berlebihan dan harga yang sederhana akibat daripada persaingan di pasaran dunia. Walau bagaimanapun, disebabkan pertumbuhan eksport barangan perkilangan yang dijangka melebihi sedikit kadar pertumbuhan eksport barangan lain, sumbangannya kepada jumlah eksport keseluruhan dijangka akan meningkat kepada 81.0% pada tahun 1996, berbanding 79.7% pada tahun 1995. Sebaliknya, eksport **barangan pertanian** dijangka mengalami penurunan sebanyak 15.3% kepada RM18.3 bilion pada tahun 1996, selepas mencatatkan kenaikan sebanyak 11.4% pada tahun 1995. Kemerosotan ini adalah ekoran prestasi eksport barangan pertanian utama yang tidak menggalakkan, termasuk minyak kelapa sawit yang dijangka merosot sebanyak 21.4%, kayu gergaji 20.0% dan getah 9.1%, disebabkan oleh kejatuhan harga eksport dan nilai eksport yang rendah. Eksport **sektor perlombongan** sebaliknya pula dijangka berkembang sebanyak 15.9% kepada RM12.1 bilion, selepas mencatatkan pertumbuhan 10.7% pada tahun 1995, terutamanya disebabkan oleh harga minyak mentah yang lebih kukuh di samping nilai eksport gas asli cecair yang lebih

tinggi ke Jepun dan Korea Selatan. Bagaimanapun, peningkatan eksport sektor perlombongan dijangka tidak mampu untuk mengimbangi penurunan pendapatan eksport komoditi utama yang lain. Akibatnya, sumbangan sektor utama ekonomi kepada jumlah pendapatan eksport dijangka menurun kepada 15.8% pada tahun 1996 (1995: 17.3%).

Eksport Barangan Perkilangan


Eksport barangan perkilangan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada jumlah eksport Malaysia. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun

Jadual 7.1
Eksport Perkilangan

Tahun	% Perubahan		
	1995 % Sumbangan	1995 (Januari- Julai)	1996 (Januari- Julai)
Keluaran elektrik, elektronik dan jentera	65.7	23.8	17.0
Tekstil, pakaian dan kasut	4.5	8.0	11.6
Makanan, minuman dan tembakau	2.5	19.0	7.6
Kayu dan keluaran kayu	4.2	0.9	17.1
Keluaran getah	2.2	12.5	15.9
Keluaran petroleum	2.1	62.2	10.3
Kimia dan keluaran kimia	5.1	56.3	8.4
Keluaran galian bukan logam	1.1	19.3	5.7
Besi dan keluli dan barangan perkilangan logam	3.3	34.5	17.8
Kelengkapan pengangkutan	3.6	-8.6	-5.0
Lain-lain	5.7	8.1	18.3
JUMLAH	100.0	21.0	14.9

Sumber: Jabatan Perangkaan

Carta 7.1
Struktur Eksport



Angka-angka di dalam rajah merupakan peratus daripada jumlah
Sumber : Jabatan Perangkaan.

1996, eksport barangan perkilangan meningkat sebanyak 14.9% (Januari-Julai 1995: 21%) dan telah menyumbang sebanyak 81% (Januari-Julai 1995: 78.2%) kepada jumlah eksport. Pertumbuhan yang kukuh walaupun lebih perlahan ini di dorong oleh pesanan eksport yang tinggi dari Amerika Syarikat (AS) dan Jepun berikutan pertumbuhan ekonomi kedua-dua negara berkenaan yang meningkat selepas mengalami kelembapan pada tahun 1995 serta pembesaran kapasiti pengeluaran di dalam negeri. Peningkatan mutu barangan, harga yang kompetitif dan strategi pemasaran yang lebih baik telah membolehkan barangan buatan Malaysia memasuki pasaran-pasaran bukan tradisional khususnya di Afrika dan Oceania. Walau bagaimanapun, eksport ke Eropah Barat bertambah perlahan disebabkan kedudukan ekonomi yang tidak menggalakkan dan juga kelembapan permintaan untuk barangan elektronik telah menjejaskan pertumbuhan eksport barangan perkilangan. Oleh yang demikian bagi keseluruhan tahun 1996, eksport barangan perkilangan dijangka mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak

5.8% setelah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 22.9% pada tahun 1995.

Selain daripada kelengkapan pengangkutan, kertas dan palpa dan barangan kemas, semua kategori barangan perkilangan mencatatkan pertumbuhan positif dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996. Eksport keluaran getah dan keluaran kayu kayan meningkat dengan ketara sebanyak 15.9% dan 17.1% berbanding dengan peningkatan sebanyak 12.5% dan 0.9% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995. Eksport keluaran petroleum dan keluaran kimia bertambah perlahan dengan ketara sementara pertumbuhan eksport tekstil dan pakaian serta keluaran elektronik dan elektrik meningkat dengan sederhana.

Dari segi komposisi, keluaran elektronik dan elektrik masih menyumbang bahagian terbesar kepada eksport perkilangan. Namun demikian sumbangan eksport keluaran kimia, keluaran logam dan keluaran kayu kayan telah meningkat

Jadual 7.2

Haluan Negara Utama bagi Eksport Perkilangan¹
(% daripada jumlah)

	1995	1996 Januari-Julai
Amerika Syarikat	26	23.7
Kesatuan Eropah:	15.2	14.5
United Kingdom	4.8	4.3
Jerman	3.7	3.4
Jepun	10.4	11.3
Singapura	22	21.9
Lain-lain	26.4	28.6
JUMLAH	100.0	100.0

¹ Termasuk SITC 1,5,6,7 dan 8

Sumber: Jabatan Perangkaan

disebabkan pertumbuhan kukuh industri-industri berkenaan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, keluaran elektronik dan elektrik menyumbang 66% daripada jumlah eksport barangan perkilangan diikuti oleh keluaran kimia 5% keluaran kayu 4.5%, tekstil dan pakaian 4.4% dan keluaran logam 3.5%.

Bagi pasaran eksport, AS, Kesatuan Eropah (EU), Jepun dan Singapura masih merupakan destinasi utama. Sebagai satu kumpulan, negara-negara ini menyumbang dua-pertiga daripada jumlah eksport perkilangan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, eksport barangan perkilangan ke AS meningkat sebanyak 7.8% dan menyumbang 23.7% kepada jumlah eksport perkilangan. Eksport ke Singapura meningkat sebanyak 11.6% dan menyumbang 21.9% sementara eksport ke Jepun sebanyak 31% serta menyumbang 11.3% kepada jumlah eksport. Eksport ke EU meningkat sedikit pada kadar 1% dan menyumbang 14.5% kepada jumlah eksport. Dalam tempoh ini, peningkatan ketara telah juga dicatatkan bagi pasaran kecil seperti Australia, New Zealand dan Afrika.

Pada masa lalu Sistem Keistimewaan Am (GSP) telah membantu Malaysia untuk memasuki pasaran di AS, Jepun dan EU. Pada tahun 1995, eksport

di bawah GSP telah menyumbang 12.5% kepada jumlah eksport negara dan 88% daripada ini adalah barangan perkilangan. Walau bagaimanapun, dengan penarikan balik program GSP AS bermula 1 Januari 1997 dan halangan-halangan daripada GSP EU, Malaysia mungkin akan hilang kelebihan daya saingan berbanding dengan negara-negara yang masih menerima faedah-faedah program GSP seperti China, Filipina, Thailand dan Indonesia yang juga merupakan pengeluar-pengeluar kos rendah bagi industri-industri berintensif buruh. Di samping itu, liberalisasi perdagangan di bawah Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO), pengurangan tarif di bawah Tarif Keutamaan Berkesan Sama Rata (CEPT), ASEAN, sementara pembukaan pasaran-pasaran baru akan juga mengakibatkan persaingan yang lebih hebat bagi barangan buatan Malaysia di pasaran antarabangsa. Selaras dengan cabaran-cabaran dan peluang-peluang ini, para pengeluar Malaysia bukan hanya perlu beralih kepada industri berteknologi tinggi, produk-produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, memajukan jenama-jenama bertaraf dunia, bahkan juga menggunakan kaedah-kaedah yang bersepadu untuk meningkatkan keseluruhan faedah proses perkilangan daripada Penyelidikan dan Pembangunan (P&P), reka bentuk, pengeluaran, pengagihan kepada kegiatan pemasaran.

Keluaran Elektrik, Elektronik dan Jentera

Sungguhpun keadaan permintaan dunia kurang merangsangkan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, akibat lebihan stok dalam pasaran sejak akhir tahun 1995 serta persaingan harga yang lebih hebat terutama bagi keluaran yang berkaitan dengan elektronik, eksport **keluaran elektrik, elektronik dan jentera** Malaysia terus berkembang kukuh walaupun pada kadar yang lebih perlahan iaitu 17% kepada RM59.8 bilion (Januari-Julai 1995: 23.8%). Oleh yang demikian, eksport industri ini masih merupakan penyumbang terbesar iaitu sebanyak 66% kepada keseluruhan nilai eksport barangan perkilangan.

Eksport **keluaran elektronik** yang merangkumi komponen elektronik, elektronik industri dan elektronik pengguna meningkat dengan ketara walaupun pada kadar yang perlahan iaitu 16.6% kepada RM54.7 bilion berbanding dengan 24.3% atau RM 46.9 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1995. Pertumbuhan eksport yang kukuh

Jadual 7.3
Haluan Negara Utama Bagi Eksport Komponen Elektronik
(Januari-Julai)

Negara	1995		1996		Perubahan Tahunan (%)
	RM juta	% sumbangan	RM juta	% Sumbangan	
Amerika Syarikat	5,630	33.2	6,175	29.4	10.9
Singapura	4,143	24.4	5,019	23.9	21.1
United Kingdom	1,393	8.2	1,407	6.7	1.0
Jepun	1,204	7.1	2,163	10.3	79.7
Hong Kong	1,077	6.4	1,470	7.0	36.4
Taiwan	832	4.9	1,638	7.8	96.9
Lain-lain	2,670	15.8	3,130	14.9	17.2
JUMLAH	16,949	100	21,002	100	23.9

Sumber: Jabatan Perangkaan

bagi keluaran elektronik disokong oleh perkembangan yang berterusan bagi eksport komponen elektronik seperti tiub termionik, fotosel dan injap dalam tempoh tersebut. Negara-negara Amerika Syarikat (AS), Singapura, Jepun dan United Kingdom (UK) terus merupakan pasaran eksport utama bagi barangan elektronik Malaysia. Dari segi jumlah eksport keluaran elektronik, komponen elektronik menyumbang 35% daripada jumlah eksport berbanding dengan 33% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Pertumbuhan eksport **elektronik untuk industri dan pengguna** seperti peralatan telekomunikasi, mesin pejabat, peralatan memproses data automatik dan peralatan perakam suara dan telekomunikasi berkurangan kepada 13% dengan nilai RM29 bilion berbanding dengan pencapaian sebanyak 24.3% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Kadar pertumbuhan yang berkurangan ini disebabkan oleh inventori yang berlebihan serta pembesaran kapasiti pengeluaran di negara-negara asing yang telah mengakibatkan persaingan menjadi lebih sengit. Pendapatan eksport elektronik pengguna yang meliputi terutamanya alat terima siaran televisyen, alat terima

siaran radio dan kelengkapan rakaman suara secara berasingan merosot sebanyak 5.6% berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 30% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995. Sektor kecil ini menyumbang kira-kira 12.4% kepada jumlah eksport perkilangan.

Eksport **barangan elektrik**, yang merangkumi barangan elektrik, kabel dan dawai dan alat-alat elektrik lain meningkat tetapi pada kadar yang lebih rendah iaitu 20.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: 34.3%). Eksport **perkakas elektrik** yang merangkumi peti sejuk, periuk nasi, mesin basuh, kipas dan barangan elektrik lain meningkat sebanyak 4.3% dalam tempoh tersebut, didorong oleh permintaan luar yang berterusan, terutama dari negara-negara pengimport utama seperti Jepun, A.S. dan EU serta pembesaran kapasiti pengeluaran dalam negeri. Sumbangan sektor kecil perkakas elektrik kepada prestasi eksport industri elektrik ketara, sebanyak 22.5% kepada jumlah pendapatan eksport barangan elektrik. Eksport **kabel dan dawai** yang meliputi berbagai kabel tenaga dan kabel

telekomunikasi juga meningkat sebanyak 29.5% (Januari-Julai 1995: 31.7%) sementara **barangan elektrik lain** seperti sel kering, lampu dan tiub dan bateri meningkat sebanyak 26% berbanding dengan 28.7% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Tekstil Pakaian dan Kasut

Eksport tekstil asas meningkat dengan ketara sebanyak 22.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 selepas meningkat 34% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Peningkatan yang berterusan ini disebabkan pertambahan eksport benang tekstil sebanyak 45.6% (Januari-Julai 1995: 78.5%), berikutan pembesaran kapasiti pengeluaran. Eksport tekstil tiruan bertambah sebanyak 7% sementara eksport kain yang ditenun meningkat sebanyak 52.6%. Namun demikian, pertumbuhan eksport tekstil asas secara keseluruhan terjejas oleh sebab kemerosotan tekstil kapas sebanyak 11.9% dalam tempoh yang dikaji disebabkan pertambahan kos bahan mentah serta persaingan daripada pengeluar-pengeluar kos rendah. Eksport pakaian pulih sedikit pada kadar 1.6% disebabkan permintaan yang bertambah dari Jepun, Hong Kong dan Jerman setelah mencatatkan kemerosotan sebanyak 5.2% pada tempoh yang sama tahun 1995. Eksport kasut pula meningkat sebanyak 6.4% disebabkan reka bentuk yang lebih baik, serta harga yang kompetitif bagi jenama-jenama Malaysia. Oleh itu **eksport tekstil, pakaian dan kasut** secara keseluruhan

Jadual 7.4

Eksport Tekstil, Pakaian dan Kasut (RM juta)

Tahun	1995	1995 (Januari-Julai)	1996 (Januari-Julai)
Tekstil	2,830.3	1,551.5	1,906.5
Pakaian	3,465.4	1,806.0	1,834.8
Kasut	280.5	160.4	168.9
Lain-lain	135.7	76.8	81.8
JUMLAH	6,711.9	3,594.7	3,992.0

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 7.5

Haluan Utama bagi Eksport **Pakaian dan Aksesori¹** (RM juta)

Tahun	1995	1995 (Januari-Julai)	1996 (Januari-Julai)	Perubahan Tahunan (%)
Amerika Syarikat	2,765.8	1,408.5	1,554.3	10.3
United Kingdom	521.7	301.8	314.8	4.3
Singapura	328.7	181.4	175.6	-3.2
Jerman	392.8	210.9	258.5	22.6
Lain-lain	1,671.8	908.8	1,010.9	11.1
JUMLAH	5,680.8	3,011.4	3,314.1	10.1

¹ Termasuk sarung tangan pembedahan

Sumber: Jabatan Perangkaan

meningkat sebanyak 11% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 berbanding dengan peningkatan sebanyak 8% yang telah dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995. Eksport-eksport ini telah menyumbang sebanyak 4.4% daripada jumlah eksport barang perkilangan dalam tempoh tujuh bulan pertama 1996 (Januari-Julai 1995: 4.5%).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, AS kekal sebagai pasaran terbesar bagi pakaian dan aksesori pakaian dan menyumbang 46.9% daripada jumlah nilai eksport pakaian dan aksesori pakaian, diikuti oleh EU (26.7%). Eksport ke pasaran kuota di AS, EU, Kanada dan Norway menyumbang 76% kepada jumlah eksport. Eksport ke pasaran bukan berkuota termasuk Jepun, Hong Kong, Singapura, Filipina dan Thailand meningkat sebanyak 12% dan menyumbang 12.7% daripada jumlah eksport pakaian dan aksesori pakaian.

Keluaran Kayu

Pendapatan eksport **keluaran kayu** dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 mencatatkan pertumbuhan ketara sebanyak 17.1% kepada RM4.1 bilion berbanding dengan pencapaian sebanyak 0.9% atau RM3.5 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1995. Prestasi

yang lebih baik ini disebabkan oleh peningkatan permintaan bagi perabot kayu terutama untuk pejabat dan kegunaan isirumah serta harga eksport yang lebih baik bagi beberapa keluaran kayu terpilih seperti vinir dan papan lapis. Oleh yang demikian, sumbangan eksport keluaran kayu kepada jumlah eksport barangan perkilangan dijangka dapat dikekalkan pada tahap lebih kurang 4.5%.

Eksport **papan lapis dan vinir** yang menyumbang kira-kira 71% kepada jumlah eksport keluaran kayu, bertambah sebanyak 15.6% kepada RM2.9 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: RM2.5 bilion). Peningkatan pendapatan ini berpunca daripada jumlah eksport yang bertambah terutama ke negara Jepun sebanyak 22.6% (Januari-Julai 1995: 68%) dan China 8.9% (Januari-Julai 1995: -41%). Eksport papan lapis ke Singapura pulih semula dengan pembelian bernilai RM177.8 juta berbanding dengan RM151.6 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Di samping itu, pencapaian harga eksport papan lapis dan vinir yang lebih baik dalam tempoh tersebut telah membantu meningkatkan pendapatan. Eksport papan lapis ke Korea Selatan dijangka meningkat berikutan keupayaan para pengeksport Malaysia menembusi pasaran tersebut ekoran kurangnya pergantungan negara tersebut terhadap bekalan papan lapis dari Indonesia. Di Jepun, jangkaan peningkatan jumlah permulaan pembinaan perumahan dalam tahun 1996 menambahkan lagi peluang eksport papan lapis Malaysia. Adalah dijangkakan sejumlah 1.5 juta unit rumah akan dibina di Jepun termasuk pembangunan semula Bandaraya Kobe. Pasaran-pasaran eksport lain yang dijangka mengekalkan import yang tinggi termasuk AS, UK dan Arab Saudi.

Perabot dan kelengkapan perabot merupakan penyumbang eksport yang agak besar iaitu kira-kira 29% kepada jumlah eksport keluaran kayu dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996. Pendapatan eksport sektor kecil ini menunjukkan peningkatan yang membanggakan sebanyak 20% kepada RM1.2 bilion. AS dan Jepun kekal sebagai pasaran utama eksport perabot dan kelengkapan perabot Malaysia. Dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, jumlah nilai eksport ke AS ialah sebanyak RM424.5 juta, sementara RM244 juta lagi dieksport ke Jepun. Pasaran-pasaran eksport lain termasuk Singapura, UK, Australia dan Hong Kong.

Perjanjian penstabilan harga papan lapis di antara pengeksport Indonesia dan Malaysia, akan membantu meningkatkan lagi prestasi eksport dalam jangka masa panjang. Perjanjian ini yang dimeterai pada tahun 1992 bertujuan menstabilkan harga papan lapis yang meliputi pasaran-pasaran China, Korea dan UK. Potensi pasaran yang besar bagi keluaran kayu juga wujud di negara ekonomi baru muncul terutama di rantau ASEAN. Dengan meningkatnya kekayaan pada keseluruhannya di rantau ini, permintaan bagi keluaran-keluaran kayu yang diproses dijangka akan bertambah.

Keluaran Getah

Pendapatan eksport **keluaran getah** melonjak sebanyak 15.9% kepada RM2.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: RM1.8 bilion). Prestasi yang lebih baik ini didorong oleh permintaan kukuh bagi sarung tangan getah, tayar dan barangan keluaran getah. Dengan prestasi yang lebih baik ini, sumbangan keluaran getah kepada jumlah eksport perkilangan meningkat sedikit kepada 2.3% (1995: 2.2%). Dalam tempoh yang dikaji, AS kekal sebagai pasaran ekport terbesar bagi keluaran getah Malaysia diikuti oleh negara-negara EU dan Jepun.

Dalam tempoh yang dikaji, jumlah pendapatan eksport bagi sarung tangan penbedahan dan bukan penbedahan meningkat dengan ketara sebanyak 27.8% kepada RM1.5 bilion untuk tampil sebagai penyumbang terbesar (72%) kepada jumlah pendapatan eksport keluaran getah. Eksport tayar dan tiub turut meningkat dengan ketara sebanyak 37.1% (Januari-Julai 1995: -6.4%) sementara eksport barangan getah meningkat tetapi sederhana pada kadar 7.2% (Januari-Julai 1995: 21.3%). Peningkatan eksport keluaran getah disebabkan oleh permintaan yang terus tinggi dari luar negara dan pertambahan bilangan pengeluar keluaran getah.

Keluaran-keluaran berasaskan susu getah menguasai eksport industri ini, menyumbang kira-kira 80% kepada jumlah pendapatan eksport keluaran getah. Dari segi pasaran, AS masih merupakan yang terbesar. Sebagai contoh, dalam tempoh separuh pertama tahun 1996, eksport keluaran getah ke AS berjumlah RM711 juta atau 40.8% daripada jumlah eksport keluaran getah. Pengimport-pengimport utama yang lain termasuk

UK (6.8%), Jepun (6.3%) dan Jerman (5.7%). Keluaran-keluaran berasaskan susu getah dijangka kekal sebagai eksport terbesar keluaran getah dalam jangka masa terdekat memandangkan Malaysia telah berjaya mengekalkan kedudukan yang kukuh dalam pasaran keluaran susu getah seperti sarung tangan getah dan kondom.

Makanan Minuman dan Tembakau

Pendapatan eksport daripada industri pengeluaran **makanan, minuman dan tembakau** meningkat sederhana sebanyak 7.6% kepada RM2.2 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, disebabkan oleh pertumbuhan eksport sektor-kecil minuman dan tembakau yang menggalakkan. Eksport barang-barang makanan yang merupakan 87% daripada jumlah eksport industri ini meningkat pada kadar yang lebih rendah iaitu 0.9% (Januari-Julai 1995: 16%) disebabkan kemerosotan eksport bagi kebanyakan keluaran makanan kecuali tepung, gula, coklat dan keluaran gula dan manisan, makanan binatang dan keluaran minyak kelapa sawit. Keadaan ini berpunca daripada kekangan kapasiti pengeluaran dan kadar penggunaan domestik yang lebih tinggi.

Sebaliknya, eksport **minuman dan tembakau** sebagai satu kumpulan meningkat dengan ketara sebanyak 73% (Januari-Julai 1995: 58.6%) bagi mengimbangi kemerosotan eksport keluaran makanan. Peningkatan ini disebabkan oleh permintaan luar negara yang meningkat serta pembesaran kapasiti pengeluaran. Pendapatan eksport minuman termasuk minuman beralkohol dan minuman tanpa alkohol, meningkat sebanyak 12% kepada RM138 juta sementara eksport tembakau bertambah sebanyak 187% kepada RM188 juta.

Keluaran Petroleum

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, eksport **keluaran petroleum** termasuk keluaran petroleum yang ditapis, sisa keluaran petroleum dan gas meningkat sederhana sebanyak 10.3% kepada RM1,901 juta berbanding dengan satu peningkatan yang tinggi sebanyak 62.2% yang telah dicapai dalam tempoh yang sama tahun 1995. Peningkatan yang bertambah perlahan ini disebabkan eksport keluaran petroleum yang ditapis terdiri daripada gasolin, minyak bahan api,

disel dan minyak tanah meningkat dengan sederhana sebanyak 12% (Januari-Julai 1995: 55.8%) berikutan kapasiti penapisan yang terhad dan kerana pengeluaran minyak mentah bagi tahun 1996 dikekalkan pada paras yang sama seperti tahun 1995. Eksport sisa keluaran petroleum meningkat sebanyak 36% (Januari-Julai 1995: 430%) dan eksport propana dan butana naik sebanyak 24.6% selepas mencatatkan satu peningkatan yang tinggi iaitu melebihi 100% pada tempoh yang sama tahun 1995, sementara penjualan gas asli terutamanya ke Singapura meningkat sebanyak 45.7% (Januari-Julai 1995: 9%).

Kimia dan Keluaran Kimia

Eksport **kimia dan keluaran kimia** terdiri daripada berbagai produk iaitu kimia organik, kimia bukan organik, bahan-bahan pencelupan, penyamakan dan pewarnaan, ubat-ubatan dan farmaseutik, minyak pati, minyak wangi, alat solek, barangan tandas, sediaan pencucian, baja, plastik dalam bentuk asas dan bukan asas, ubat pembunuh kuman, racun serangga, kanji, perekat dan pelbagai keluaran kimia lain. Penyumbang utama kepada jumlah eksport kimia dan keluaran kimia dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 adalah kimia organik dan plastik dalam bentuk asas yang masing-masing menyumbang sebanyak 19.4% dan 17.7%.

Eksport kimia dan keluaran kimia meningkat sederhana sebanyak 8.4% kepada RM4,468 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 setelah mencatatkan satu peningkatan yang tinggi sebanyak 61% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Pertumbuhan yang lebih perlahan ini disebabkan kemerosotan nilai hasil eksport kimia organik sebanyak 9.3% (Januari-Julai 1995: 30.8%) kepada RM687.9 juta berikutan harga eksport metanol yang rendah. Pertumbuhan eksport plastik dalam bentuk asas meningkat pada kadar yang amat kecil sebanyak 0.7% (Januari-Julai 1995: 91.5%) disebabkan kekangan kapasiti pengeluaran domestik. Walau bagaimanapun, eksport semua kategori lain di bawah industri kimia dan keluaran kimia mencatatkan pertumbuhan positif.

Peningkatan yang ketara dicatatkan bagi eksport kimia bukan organik (29%), plastik dalam bentuk bukan asas (22.8%) dan keluaran kimia lain seperti pembunuh kuman, racun serangga, kanji dan

perekat (33.7%) disebabkan pembesaran kapasiti pengeluaran. Pasaran terbesar bagi kimia dan keluaran kimia adalah Singapura diikuti oleh Korea, Jepun dan Hong Kong.

Keluaran Galian Bukan Logam

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, eksport keluaran **galian bukan logam** mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 5.7% kepada RM987 juta berbanding dengan 19.3% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Beberapa keluaran sektor kecil industri ini, terutama yang berkait rapat dengan sektor pembinaan mencatatkan jumlah eksport yang berkurangan. Ini meliputi simen, keluaran tanah liat bahan binaan serta barang-barang tembikar. Kemerosotan eksport ini sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan dalam negara yang lebih tinggi berikutan kegiatan pembinaan yang cergas.

Eksport **simen** mencatatkan kemerosotan yang lebih besar sebanyak 9.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 berbanding dengan kemerosotan sebanyak 2.7% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995. Kemerosotan ini disebabkan oleh peningkatan penggunaan dalam negara berikutan kemajuan pembinaan infrastruktur yang pantas serta permulaan pembinaan perumahan kos rendah dan sederhana yang cergas. Oleh kerana pengeluaran simen dalam negara yang dianggarkan berjumlah 13.2 juta tan metrik dalam tahun 1996 tidak dapat memenuhi keperluan tempatan, sebahagian daripada simen yang bernilai RM411 juta perlu diimport dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 bagi memenuhi kekurangan tersebut.

Eksport keluaran **tanah liat bahan binaan** meningkat tetapi pada kadar yang rendah iaitu sebanyak 3.3% kepada RM101 juta berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 20.4% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995, di mana jubin merupakan bahan utama eksport. Walaupun terdapat peningkatan pasaran tempatan bagi jubin, pembesaran kapasiti pengeluaran bagi pengilangan jubin telah membolehkan bahan itu dieksport.

Eksport **barang-barang kaca** meningkat dengan ketara sebanyak 32.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 berbanding dengan 11.3% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Sementara

itu eksport **kaca dan keluaran perkilangan galian** meningkat pada kadar yang sangat perlahan masing-masing sebanyak 16.8% dan 23% berbanding dengan pertumbuhan masing-masing sebanyak 76.2% dan 32.7% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Walau bagaimanapun, eksport barang-barang **tembikar** mencatatkan kemerosotan ketara sebanyak 28.5% berbanding dengan peningkatan sebanyak 16% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Kemerosotan ini disebabkan oleh peningkatan permintaan dalam negara terutamanya daripada pekebun-pekebun bunga, institusi-institusi dan pemilik-pemilik perumahan persendirian. Setelah mencatatkan pertumbuhan yang ketara sebanyak 55.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, eksport keluaran **logam bukan ferum** berkurangan dengan ketara kepada hanya 3.6% selepas mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 55.6% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Prestasi yang lembab ini disebabkan kemerosotan eksport logam asas bukan ferum seperti nikel, aluminium dan kerangka besi dan keluli bagi memenuhi keperluan dalam negara yang meningkat.

Besi dan Keluli dan Keluaran Logam

Industri **besi dan keluli dan keluaran logam** pada asasnya merupakan industri berorientasikan pasaran dalam negeri dengan sebahagian besar pengeluarannya di jual di pasaran tempatan. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada keluarannya turut dieksport dan menyumbang kira-kira 2% kepada jumlah eksport barangan perkilangan. Sebahagian besar eksport merupakan besi dan keluran keluli (98%) dan disasarkan kepada pasaran serantau seperti Thailand, Singapura dan China.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, pendapatan eksport **besi dan keluli dan keluaran logam** sebagai satu kumpulan meningkat dengan ketara sebanyak 17.7% kepada RM3.2 bilion berbanding dengan RM2.7 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995. Pertambahan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pesanan yang tinggi bagi kebanyakan keluaran sektor kecil industri ini. Eksport **besi dan keluli** meningkat sebanyak lebih kurang 40.3% kepada RM1bilion berbanding dengan RM708 juta yang dicapai dalam tempoh yang sama tahun 1995. Eksport keluaran kepingan gelek rata meningkat sebanyak 89% (Januari-Julai 1995: 445%),

jongkong meningkat sebanyak 231% (Januari-Julai 1995: -84%) sementara eksport besi tempa dan lebur sebanyak 16.6% (Januari-Julai 1995: 56%). Dalam masa yang sama eksport kepingan besi, batang besi dan 'sections' meningkat sebanyak 19.7% berikutan permintaan yang berterusan dari negara-negara pengguna. Namun demikian, eksport sisa ferum, besi tanpa insulate dan dawai keluli, rel dan trak keretapi merosot pada kadar purata 43% dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, keluaran-keluaran ini merupakan sebahagian kecil daripada jumlah eksport industri ini iaitu sebanyak lebih kurang 3%. Permintaan bagi eksport dijangka terus kukuh memandangkan daya saing negara-negara pengeluar keluli tradisional seperti Jepun, sedikit sebanyak telahpun terhakis disebabkan oleh kos buruh yang melambung naik.

Kelengkapan Pengangkutan

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, eksport **kelengkapan pengangkutan** yang terdiri daripada kenderaan jalan raya, gerabak keretapi, pesawat udara, kapal, bot, struktur terapung serta peralatan berkaitan, alat ganti dan aksesori merosot lagi sebanyak 5% setelah mencatatkan kemerosotan sebanyak 8.7% pada tempoh yang sama tahun 1995. Kemerosotan ini disebabkan pengurangan ketara sebanyak 53.4% eksport kapal, bot dan struktur terapung untuk kegiatan penggerudian luar pesisir ke negara-negara ASEAN. Eksport motosikal dan skuter merosot sedikit sebanyak 3% kerana pengeluaran domestik yang lebih sederhana akibat kekangan kapasiti pengeluaran. Eksport kenderaan jalan raya komersil meningkat sebanyak 26.1% sementara eksport kereta penumpang meningkat sebanyak 20% didorong oleh pembesaran kapasiti pengeluaran serta aktiviti pemasaran yang lebih agresif. Eksport kereta nasional, PROTON meningkat sebanyak 24.5% kepada 14,405 unit dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 berbanding dengan 11,566 unit pada tempoh yang sama tahun 1995. UK masih merupakan destinasi utama kereta PROTON dengan 7,982 unit, sementara eksport ke pasaran-pasaran baru di Jerman (1,836 unit) dan Australia (1,372 unit) menggalakkan. PERODUA telah mengeksport ke Brunei semenjak Mac 1996 dan sehingga Julai 1996 telah mengeksport 90 unit. Mulai September 1996, PERODUA mengeksport ke Malta, Mauritius dan Cyprus.

Keluaran Perkilangan Lain

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, eksport **keluaran perkilangan lain** terdiri daripada kulit, keluaran kulit, peralatan profesional dan saintifik, kelengkapan seni foto, kelengkapan alat ganti dan aksesori muzik serta pelbagai barangan seperti jam, bahan cetak, barang-barang permainan, peralatan sukan dan barang kemas menyumbang 3.5% daripada jumlah eksport barang perkilangan. Eksport keluaran perkilangan lain meningkat sebanyak 27.1% dalam tempoh yang dikaji (Januari-Julai 1995: 7.6%) didorong oleh peningkatan yang tinggi bagi eksport barang permainan dan peralatan sukan (53.9%), kelengkapan alat ganti dan aksesori muzik (36.4%) dan kulit (73.4%).

Eksport Barangan Utama

Disebabkan oleh kemerosotan harga kebanyakan komoditi, jumlah pendapatan eksport komoditi pertanian dan perlombongan dijangka menurun sebanyak 5.2% kepada RM30,405.6 juta pada tahun 1996 (1995: 11.1% atau RM32,065.2). Berbanding tahun 1995, eksport pertanian pada tahun 1996 dijangka mengalami prestasi yang kurang menggalakkan. Pendapatan eksport komoditi-komoditi utama seperti getah, minyak kelapa sawit, kayu gergaji dan kayu balak dijangka lebih rendah disebabkan oleh kelemahan harga komoditi-komoditi ini di pasaran dunia. Bagi sektor perlombongan, dengan sokongan harga yang lebih baik, pendapatan eksport minyak mentah dan Gas Asli Cecair (LNG) dijangkakan lebih tinggi dalam tahun 1996. Pendapatan eksport minyak mentah didorong terutamanya oleh harga yang tinggi walaupun jumlah eksport dijangkakan lebih rendah. Bagi LNG, pendapatan eksportnya dijangkakan meningkat sebanyak 46.9% dengan permintaan yang tinggi dari pasaran Jepun, Korea Selatan dan Taiwan.

Minyak Kelapa Sawit dan Minyak Isirong Kelapa Sawit

Pendapatan eksport **minyak kelapa sawit mentah, minyak kelapa sawit telah diproses dan minyak sawit stearin** dijangka menurun dengan ketara sebanyak 21.4% dalam tahun 1996 kepada RM8,177 juta daripada RM10,399 juta

Jadual 7.6
Eksport Komoditi-Komoditi Utama

	1996 ^a	% Perubahan	1996 Januari- Julai	% Perubahan
Minyak kelapa sawit¹				
Jumlah ('000 tan metrik)	6,900	1.3	3,842.6	2.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,185	-22.4	1,324	-17.7
Nilai (RM juta)	8,177	-21.4	5,086.9	-15.5
Minyak isirong kelapa sawit				
Jumlah('000 tan metrik)	460	3.4	264.2	7.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,972	5.1	1,972	6.2
Nilai (RM juta)	907.1	8.7	520.9	14.0
Kayu balak				
Jumlah ('000 meter padu)	7,000	-9.6	3,864	-13.0
Nilai seunit (RM/meter padu)	320.9	9.8	319.0	9.3
Nilai (RM juta)	2,246.3	-0.8	1,232.6	-4.8
Kayu gergaji				
Jumlah ('000 meter padu)	3,712	-15.0	2,163	-17.9
Nilai seunit (RM/meter padu)	827.3	-5.9	817.8	-9.4
Nilai (RM juta)	3,071.0	-20.0	1,769.0	-25.6
Getah				
Jumlah('000 tan metrik)	950	-6.2	542.8	-8.1
Nilai seunit(sen/kg)	386.2	-3.1	383.4	-11.4
Nilai (RM juta)	3,669.2	-9.1	2,081.0	-18.6
Lada hitam				
Jumlah('000 tan metrik)	16.8	15.1	8.8	19.0
Nilai seunit (RM/tan metrik)	6,297.6	-9.6	6,234	-10.6
Nilai (RM juta)	105.8	4.0	55.0	6.3
Koko				
Jumlah ('000 tan metrik)	50	-4.8	31.4	-6.8
Nilai seunit (RM/tan metrik)	3,200	-2.3	3,213	-2.6
Nilai (RM juta)	160.0	-7.0	100.9	-9.3
Minyak mentah				
Jumlah ('000 tan metrik)	18,058	-5.8	10,471	-4.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	350	0.1	392.6	9.7
Nilai (RM juta)	6,862	2.4	4,110.9	4.5
Gas asli cecair				
Jumlah ('000 tan metrik)	14,120	42.3	7,415	46.2
Nilai seunit (RM/tan metrik)	330	3.3	352.3	8.0
Nilai (RM juta)	4,659.6	46.9	2,411.8	45.7
Timah				
Jumlah ('000 tan metrik)	35.1	-0.3	20.2	-3.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	15,600	0.8	15,810	5.3
Nilai (RM juta)	547.6	0.5	319.8	1.4
JUMLAH BESAR	30,405.6	-5.2	17,688.8	-5.8

¹ Termasuk minyak kelapa sawit mentah, minyak kelapa sawit yang diproses dan minyak kelapa sawit sterin.

^a Anggaran


Sumber: Jabatan Perangkaan

yang dicatatkan pada tahun 1995. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, pendapatan dari minyak kelapa sawit merosot sebanyak 15.5% berbanding tempoh yang sama tahun 1995, berpunca dari harga yang rendah (sila rujuk Jadual 7.6). Bagaimanapun jumlah eksport meningkat sebanyak 2.7% kepada 3.8 juta tan metrik dalam tempoh yang sama sejajar dengan pertambahan jumlah penduduk dunia. Jumlah eksport kekal positif kerana stok minyak sayuran dunia untuk musim 1995/96 terutama kacang soya, akan menurun kepada 15.76 juta tan metrik berbanding 22 juta tan metrik pada musim 1994/95. Memandangkan minyak kelapa sawit adalah minyak sayuran yang paling efisien dihasilkan berbanding minyak sayuran lain, ia terus berpeluang memenuhi kekurangan ini. Harganya yang lebih rendah berbanding minyak sayuran lain dan lemak menggalakkan pengguna menggantikan minyak sayuran yang lain kepada minyak kelapa sawit. Pengimportan dari negara-negara seperti Pakistan, India, Mesir dan lain-lain negara di Amerika Latin yang lebih peka pada perubahan harga adalah amat menggalakkan. Pengimport terbesar minyak sawit Malaysia dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996 ialah Pakistan (558,208 tan metrik) diikuti oleh China (434,353 tan metrik) dan India (332,444 tan metrik) dengan jumlah keseluruhan mencapai 1.33 juta tan metrik.

Harga purata hantaran tempatan bagi minyak sawit mentah untuk suku pertama tahun 1996 ialah RM1,221.50 setan metrik. Ia meningkat sedikit kepada RM1,231.33 pada suku kedua tahun 1996. Bagaimanapun, pada suku ketiga, harganya dijangka merosot kepada RM1,118.50 disebabkan oleh kenaikan stok dan pertambahan pengeluaran semasa. Bagi suku keempat tahun 1996, harga minyak sawit mentah dijangka pulih ke paras RM1,168.70 setan metrik berikutan kitaran pengeluaran yang rendah. Bagi keseluruhan tahun 1996, harga minyak kelapa sawit mentah dianggarkan pada purata RM1,185 setan metrik. Untuk lapan bulan pertama tahun 1996, harga minyak sawit mentah dianggarkan sebanyak RM1,193.88 setan metrik, menurun sebanyak 21% berbanding harga purata RM1,510.38 setan metrik yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun 1995.

Jumlah pendapatan eksport **minyak isirong kelapa sawit** dijangka meningkat sebanyak 8.7%

Carta 7.2
Minyak Kelapa Sawit - Eksport dan Harga




kepada RM907.1 juta dalam tahun 1996 (1995: RM834.7 juta) disebabkan oleh harga seunit yang tinggi. Untuk tujuh bulan pertama tahun 1996, jumlah eksport minyak isirong kelapa sawit telah meningkat sebanyak 7.4% kepada 264,171 tan metrik berbanding 246,078 tan metrik dalam tempoh yang sama pada tahun 1995. Pendapatan eksport minyak isirong kelapa sawit untuk tempoh yang sama tahun 1996 ialah RM520.9 juta, meningkat sebanyak 14% berbanding RM457 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Kayu Kayan

Pendapatan eksport kayu gergaji dan kayu balak dalam tahun 1996 dijangka merosot sebanyak 12.9% kepada RM5,317.3 juta berbanding RM6,102.7 juta yang dicatatkan pada tahun 1995. Kemerosotan ini berpunca dari jumlah eksport kayu balak dan kayu gergaji yang rendah di samping nilai seunit kayu balak yang lemah. Dari

Carta 7.3
Kayu Gergaji dan Kayu Balak - Eksport dan Nilai Seunit



segi jumlah eksport, kayu balak dijangka terus merosot sebanyak 9.6% pada tahun 1996 kepada 7 juta meter padu manakala bagi kayu gergaji, merosot sebanyak 15% kepada 3.7 juta meter padu. Nilai seunit kayu balak dijangka meningkat sebanyak 9.8% pada tahun 1996 kepada RM320.90 semeter padu, berbanding RM292.20 semeter padu pada tahun 1995, manakala nilai seunit kayu gergaji merosot sebanyak 5.9% daripada RM879.10 kepada RM827.30. Untuk tujuh bulan pertama tahun 1996, jumlah dan nilai eksport kayu balak ialah masing-masing 3.86 juta meter padu dan RM1,232.6 juta, berbanding 4.44 juta meter padu dan RM1,295.2 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Kesemua kayu balak yang dieksport berasal dari Sarawak kerana kayu balak yang dikeluarkan di Semenanjung Malaysia dan Sabah masih tidak dibenarkan dieksport. Dalam enam bulan pertama tahun 1996, Jepun merupakan pengimport terbesar kayu balak Malaysia iaitu sebanyak 50.6% atau 1.71 juta meter padu, diikuti oleh Taiwan 17.8%, Korea Selatan 7.7% dan Hong Kong 6.5%.

Getah

Jumlah keseluruhan eksport getah pada tahun 1996 dijangka merosot sebanyak 6.2% kepada 950,000 tan metrik daripada 1.013 juta tan metrik pada tahun 1995 disebabkan oleh pengurangan permintaan yang berpunca dari kelembapan industri automobil di luar negeri. Oleh itu, pendapatan dari getah dijangka menurun sebanyak 9.1% kepada RM3,669.2 juta pada tahun 1996 daripada RM4,037.9 juta pada tahun 1995. Kemerosotan pendapatan ini juga disebabkan oleh kejatuhan nilai seunit sebanyak 3.1% daripada 398.6 sen/kg pada tahun 1995 kepada 386.2 sen/kg pada tahun 1996. Eksport SMR (Standard Malaysian Rubber) yang merupakan 80% daripada jumlah eksport keseluruhan getah asli, dijangka menurun sebanyak 3.3% daripada 816,760 tan metrik pada tahun 1995 kepada 789,800 tan metrik pada tahun 1996 berikutan pengurangan permintaan bagi tayar yang berpunca dari kelembapan industri automobil.

Dalam pada itu, jumlah eksport Getah Keping Asap Berbunga (Ribbed Smoked Sheets) juga dijangka menurun sebanyak 3.3 % kepada 42,500

tan metrik daripada 43,968 tan metrik pada tahun 1995. Kekurangan bahan mentah untuk diproses menjadi faktor penyumbang kepada kejatuhan pengeluaran dan seterusnya eksport RSS.


Sementara itu, kemerosotan eksport susu getah dijangka terus berlaku. Pada tahun 1996, eksport susu getah dijangka merosot sebanyak 5.1% kepada 103,200 tan metrik daripada 108,735 tan metrik. Sebab utama kejatuhan ini ialah peningkatan jumlah penggunaan tempatan oleh pengeluar barang getah tempatan yang kebanyakannya merupakan pengeluar barangan berasaskan susu getah.

Dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, harga getah mengalami kemerosotan berpunca dari minat belian yang menurun secara keseluruhannya, berikutan tempoh urusniaga yang pendek dalam bulan Februari atas sebab-sebab pengambilan untung sebelum musim sejuk. Harga purata bagi RSS 1 merosot sebanyak 9.8% kepada 375 sen/kg daripada 416 sen/kg dalam tempoh yang sama tahun 1995. Begitu juga SMR 20 merosot sebanyak 15% daripada 406 sen/kg kepada 345 sen/kg. Pasaran telah menunjukkan tanda-tanda kelembapan dalam tempoh setengah tahun pertama dengan ketiadaan permintaan yang kuat dari pengguna, dan keadaan ini dijangka berterusan untuk tempoh berikutnya tahun ini dengan pasaran yang pada umumnya agak lengang. Dalam keadaan sedemikian, harga RSS 1 dijangka pada purata 370 sen/kg pada tahun 1996 sementara harga SMR 20 dijangka pada purata 335 sen/kg.

Malaysia mengeksport 542,764 tan metrik getah dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 atau 8.1% kurang daripada jumlah eksport dalam tempoh yang sama pada tahun 1995. Dari segi pendapatan eksport, untuk tujuh bulan pertama tahun 1996, pendapatan menurun sebanyak 18.6% kepada RM2,081 juta berbanding RM2,556.6 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 1995. Amerika Syarikat ialah destinasi utama getah Malaysia, diikuti oleh Korea Selatan, Jerman dan China dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996.

Komoditi-komoditi Pertanian Lain

Pendapatan eksport **biji koko** pada tahun 1996 dijangka menurun sebanyak 7% kepada RM160 juta daripada RM172 juta pada tahun 1995 berikutan penurunan jumlah eksport sebanyak 4.8%. Penurunan ini berikutan penurunan pengeluaran biji koko yang berpunca dari




kekurangan tanah yang ditanami koko dan juga pertukaran penggunaan tanah kepada jenis tanaman yang lain. Untuk tujuh bulan pertama tahun 1996, pendapatan eksport koko menurun sebanyak 9.3% kepada RM100.9 juta daripada RM111.3 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 1995. Sepanjang tempoh tersebut, China telah menambah jumlah import koko Malaysia kepada 11.1 juta kilogram berbanding 0.9 juta kilogram dalam tempoh yang sama pada tahun 1995 dan merupakan pengimport terbesar, diikuti oleh Singapura dan Thailand.

Pendapatan eksport dari **lada hitam** pada tahun 1996 dijangka meningkat sebanyak 4% daripada RM101.7 juta pada tahun 1995 kepada RM105.8 juta pada tahun 1996 disebabkan oleh susutan stok negara-negara pengimport. Untuk tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, jumlah eksport lada hitam telah meningkat sebanyak 19% kepada 8,816 tan metrik bernilai RM55 juta berbanding 7,411 tan metrik bernilai RM51.7 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Minyak Mentah dan Gas Asli Cecair

Pada tahun 1996, walaupun jumlahnya lebih rendah, hasil yang diterima dari eksport **minyak mentah** dijangka meningkat sebanyak 2.4% kepada RM6,862 juta dipengaruhi faktor harga yang lebih baik. **Jumlah eksport** dijangka menurun sebanyak 5.8% daripada 19.2 juta tan metrik pada tahun 1995 kepada 18.0 juta tan metrik pada tahun 1996. **Nilai seunit** petroleum mentah untuk tujuh bulan pertama tahun 1996 ialah RM392.60 setan metrik (AS\$20.50 setong) atau 9.7% lebih tinggi daripada RM358.03 setan metrik (AS\$18.87 setong) yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun 1995. Hasil daripada ini, pendapatan eksport meningkat sebanyak 4.5% kepada RM4,110.9 juta bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 berbanding RM3,934.7 juta untuk tempoh yang sama pada tahun 1995.

Harga minyak mentah yang berada pada trend menurun sejak separuh kedua tahun 1995 telah berubah lebih baik pada separuh pertama tahun 1996 dipengaruhi terutamanya oleh permintaan yang kuat terhadap minyak mentah yang berpunca dari cuaca sejuk di Amerika Utara. Cuaca sejuk ini menyebabkan kejatuhan dalam stok minyak mentah Amerika Syarikat sekaligus meningkatkan permintaan minyak mentah dunia. Harga North Sea Brent (NSB) yang merupakan *benchmark* utama dalam pasaran minyak mentah



antarabangsa, meningkat sebanyak 8.5% kepada AS\$18.72 setong dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 daripada AS\$17.26 setong yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1995. Begitu juga harga Western Texas Intermediate (WTI) meningkat sebanyak 10.2% kepada AS\$20.57 setong, daripada AS\$18.66 setong bagi tempoh yang sama. Sejalan dengan harga minyak mentah antarabangsa, harga purata wajaran (HPW) bagi semua minyak mentah Malaysia meningkat sebanyak 10.8% kepada AS\$20.61 setong dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding AS\$18.60 setong untuk tempoh yang sama pada tahun 1995.

Dengan siapnya loji Malaysian Liquefied Natural Gas 1 & 2 (MLNG 1 & MLNG 2) dengan gabungan kapasiti 16 juta tan metrik, jumlah eksport LNG dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 42.3% kepada 14.12 juta tan metrik pada tahun 1996. Berikutan dengan harga minyak mentah yang menggalakkan, nilai seunit eksport LNG dianggarkan meningkat sebanyak 3.3% kepada RM330 setan metrik. Dengan jumlah eksport yang

meningkat dengan ketara, terimaan eksport daripada LNG diramalkan bertambah sebanyak 46.9% kepada RM4,659.6 juta pada tahun 1996. Untuk tujuh bulan pertama tahun 1996, pendapatan daripada LNG berjumlah RM2,411.8 juta disebabkan oleh peningkatan sebanyak 46.2% dalam jumlah eksport kepada 7.4 juta tan metrik dan 8% peningkatan dalam harga seunit kepada RM352.26 setan metrik. Jepun merupakan pengimport terbesar LNG dengan memperoleh 72.7 % daripada jumlah eksport atau 4,561.4 juta tan metrik, diikuti oleh Korea Selatan dan Taiwan.

Timah


Pendapatan eksport timah dijangka meningkat sebanyak 0.5% kepada RM547.6 juta pada tahun 1996 berikutan harga yang menggalakkan hasil dari permintaan yang bertambah di seluruh dunia, dan juga kekurangan stok timah dunia. Untuk tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, pendapatan eksport meningkat sebanyak 1.4% kepada RM319.8 juta disebabkan harga timah

yang lebih baik. Harga purata timah di Pasaran Timah Kuala Lumpur (KLTM) untuk tujuh bulan pertama tahun 1996 meningkat sebanyak 5% kepada RM15.58 se kilogram, daripada RM14.84 se kilogram yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Bagi tempoh enam bulan pertama tahun 1996, Jerman, Jepun, Belanda dan Korea Selatan merupakan pengimport utama timah Malaysia, dengan jumlah eksport sebanyak 10,646 tan metrik iaitu 60.3% daripada jumlah keseluruhan eksport timah Malaysia.

Import Barangan

Import kasar barangan yang dinilai dengan kos, insurans dan pengangkutan, dijangka meningkat pada kadar yang jauh lebih rendah iaitu 1.8% dalam tahun 1996 kepada RM197.8 bilion (1995:24.6%). Dari segi pecahannya, pertumbuhan import barangan perantaraan dijangka meningkat dengan lebih perlahan pada kadar 3.8% pada tahun 1996 kepada RM126.3 bilion (66.3% daripada nilai keseluruhan import kasar), berbanding dengan kenaikan 27.7% pada tahun 1995. Penurunan kadar peningkatan import barangan perantaraan yang ketara meng-gambarkan terutamanya pertumbuhan permintaan yang perlahan daripada industri-industri untuk alat ganti dan kelengkapan barangan modal dan jentera pengangkutan, barangan bekalan perindustrian utama dan diproses; dan makanan dan minuman utama dan diproses; terutamanya untuk industri. Sebaliknya, import barangan modal dijangka merosot pada kadar 6.9% pada tahun 1996 kepada RM36.4 bilion (1995:29.6%) menggambarkan kadar pertumbuhan pembentukan modal yang rendah di dalam ekonomi. Import barang penggunaan pula dijangka meningkat pada kadar yang perlahan iaitu 2.4% kepada RM12.3 bilion pada tahun 1996, mencerminkan hasil daripada langkah-langkah yang diperkenalkan untuk mengurangkan penggunaan dan meningkatkan tabungan. Oleh itu, import tertanggung Malaysia pada tahun 1996 dijangka meningkat kepada RM190.5 juta, yang merupakan kenaikan 1.8% berbanding dengan 26.4% tahun 1995. Import untuk pengeksporan semula dijangka terus kecil pada tahun 1996, iaitu 3.7% daripada jumlah import kasar.



Jadual 7.7

**Import Mengikut Pengguna Akhir dan Kategori-kategori Ekonomi Umum (BEC)
(Januari-Julai)**

	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)		Sumbangan ¹ (%)	
	1995	1996	1995	1996	1995	1996
Barangan modal	22.3	20.7	44.2	-7.1	20.6	18.2
Barangan perantaraan	69.5	75.5	26.7	8.6	64.2	66.3
Barangan penggunaan	6.5	7.1	7.1	9.7	6.0	6.2
Lain-lain (termasuk barang dua guna)	5.4	6.3	70.6	16.9	5.1	5.6
Import untuk dieksport semula	4.4	4.2	-6.5	-5.6	4.1	3.7
JUMLAH	108.1	113.8	28.3	5.2	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan

¹ Pecahan import kasar mengikut pengguna akhir dan Kategori-kategori Ekonomi Umum oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan bahawa sumbangan barangan perantaraan kepada jumlah nilai import kasar lebih tinggi berbanding dengan anggaran terdahulu manakala sumbangan bagi barangan modal kepada jumlah nilai import kasar adalah lebih rendah daripada anggaran terdahulu.

Dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, import kasar berkembang sebanyak 5.2% kepada RM113.8 juta, mencerminkan kadar pertumbuhan yang jauh lebih rendah berbanding dengan kenaikan 28.3% dalam tempoh yang sama tahun 1995 (lihat Jadual 7.7). Barangan perantaraan merupakan kategori yang terbesar, iaitu sebanyak RM75.5 bilion atau 66.3% daripada jumlah keseluruhan import.

Barangan Modal

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, import **barangan modal** menurun dengan ketara pada kadar 7.1% berbanding dengan kenaikan 44.2% pada tempoh yang sama tahun 1995, menggambarkan kadar pertumbuhan perbelanjaan modal yang rendah oleh sektor-sektor utama ekonomi, termasuk sektor awam. Import barangan modal (tidak termasuk alat kelengkapan pengangkutan) merupakan 85.7% daripada jumlah

import manakala peralatan pengangkutan untuk kegunaan perindustrian merupakan 14.3% daripada jumlah import barangan modal dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996. Dari segi kadar tahunan, import barangan modal (tidak termasuk alat kelengkapan pengangkutan) turun sebanyak 3.5%, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 30.5% pada tempoh yang sama tahun 1995 (lihat Jadual 7.8). Import alat kelengkapan pengangkutan mencatatkan penurunan pada kadar 24.2%, kepada RM3.0 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan kenaikan sebanyak 186.4% bagi tempoh yang sama dalam tahun 1995.

Barangan perantaraan

Import **barangan perantaraan** berkembang pada kadar yang perlahan iaitu 8.6% kepada RM75.5 bilion di dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995:26.7%) selaras dengan

Jadual 7.8

Import Barangan Modal Mengikut Pengguna Akhir dan Kategori-kategori BEC (Januari-Julai)

	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)	
	1995	1996	1995	1996
Barangan modal (tidak termasuk alat kelengkapan pengangkutan)	18.4	17.8	30.5	-3.5
Alat kelengkapan pengangkutan, perusahaan	3.9	3.0	186.4	-24.2
JUMLAH	22.3	20.8	44.2	-7.1
<i>Sumber: Jabatan Perangkaan</i>				

pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang perlahan berbanding dengan tahun 1995. Pertumbuhan import bahan mentah dan komponennya yang digunakan di dalam sektor makanan dan minuman, berkembang sebanyak 7.9% kepada RM0.8 bilion dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, diikuti dengan pertumbuhan 4.1% dalam tempoh yang sama tahun 1995 (lihat Jadual 7.9). Import bahan mentah untuk bekalan perindustrian meningkat dengan perlahan kepada 17.9% manakala alat ganti dan kelengkapan bagi barangan modal (tidak termasuk alat kelengkapan pengangkutan) meningkat sebanyak 15.4%, berbanding dengan pertumbuhan yang lebih tinggi, iaitu 27.7% dan 26.3% masing-masing dalam tempoh yang sama dalam tahun 1995. Kadar pertumbuhan import bahan mentah dan komponen-komponen yang rendah untuk industri ini mencerminkan pertumbuhan keluaran sektor perkilangan yang lebih perlahan, terutamanya sektor pemprosesan makanan dan minuman. Import makanan dan minuman yang diproses tumbuh dengan lebih perlahan kepada 5.0% kepada RM0.9 bilion dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan pertumbuhan 26.3% dalam tempoh yang sama dalam tahun 1995. Import bekalan perindustrian yang telah diproses mencatatkan penurunan sebanyak 2.6% kepada RM26.0 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996,

Jadual 7.9

Import Barangan Perantaraan Mengikut Pengguna Akhir dan Kategori-kategori BEC (Januari-Julai)

	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)	
	1995	1996	1995	1996
Makanan dan minuman, utama, khusus untuk industri	0.7	0.8	4.1	7.9
Makanan dan minuman, diproses, khusus untuk industri	0.9	0.9	26.3	5.0
Bekalan perindustrian, utama	2.4	2.8	27.7	17.9
Bekalan perindustrian, diproses	26.6	26.0	29.9	-2.6
Bahan api & pelincir, utama	0.4	0.4	5.0	33.1
Bahan api dan pelincir lain, diproses	1.4	1.7	17.3	21.9
Alat ganti dan kelengkapan barangan modal (tidak termasuk alat kelengkapan pengangkutan)	35.3	40.8	26.3	15.4
Alat ganti dan kelengkapan untuk alat kelengkapan pengangkutan	1.8	2.1	12.6	13.6
JUMLAH	69.5	75.5	26.7	8.6
<i>Sumber: Jabatan Perangkaan</i>				

berbanding dengan pertumbuhan 29.9% dalam tahun 1995. Ini adalah hasil daripada lebih banyak penggunaan sumber dalam negeri sebagai komponen sektor perkilangan serta dasar Kerajaan yang mensyaratkan projek-projek pembinaan baru menggunakan 60% sumber tempatan.

Dalam pada itu, import bahan api dan pelincir utama mencatatkan pertumbuhan yang ketara sebanyak 33.1% dan yang telah diproses sebanyak 21.9%, dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996. Bahan api dan pelincir meningkat kepada RM0.4 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan kenaikan 5.0% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Begitu juga dengan import bahan api dan pelincir yang diproses meningkat kepada RM1.7 bilion dalam tahun 1996, berbanding dengan pertumbuhan 17.3% dalam tahun 1995.

Barangan Penggunaan

Import **barangan penggunaan** berkembang pada kadar yang lebih tinggi iaitu 9.7% kepada RM7.1 bilion dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995:7.1%). Kelonggaran peraturan mengimport bahan makanan melalui penghapusan dan pengurangan duti import bagi mengurangkan tekanan inflasi telah menyebabkan pertumbuhan yang pesat bagi import barang makanan utama dan diproses untuk kegunaan isirumah. Ia telah meningkat sebanyak 13.4% dan 31.0% kepada RM1.0 bilion dan RM1.8 bilion, masing-masing di dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan pertumbuhan 10.9% dan 0.2% masing-masing dalam tempoh yang sama tahun 1995 (lihat Jadual 7.10).

Dalam pada itu, import peralatan pengangkutan bukan perindustrian pula mencatatkan penurunan 35.7% kepada RM0.1 bilion dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan kenaikan 25.1% pertumbuhan dalam tempoh yang sama tahun 1995. Ini mencerminkan kesan daripada pertumbuhan pendapatan bolehguna yang lebih perlahan, serta berikutan dengan langkah-langkah dasar yang diperkenalkan semenjak bulan Oktober 1995 bagi mengekang penggunaan berlebihan dan bagi menggalakkan tabungan serta mengembangkan keupayaan pengeluaran di dalam negeri.

Import barang-barang pengguna lain mencatatkan pertumbuhan yang perlahan kepada 3.5% kepada RM4.2 bilion, selepas mencatatkan kenaikan 8.2% dalam tempoh yang sama pada tahun 1995. Di antara import barang-barang pengguna yang mencatatkan penurunan yang

Jadual 7.10

Import Barangan Penggunaan Mengikut Pengguna Akhir dan Kategori-kategori BEC (Januari-Julai)

	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)	
	1995	1996	1995	1996
Makanan dan minuman, utama, khusus untuk penggunaan isirumah	0.8	1.0	10.9	13.4
Makanan dan minuman, diproses, khusus untuk penggunaan isirumah	1.4	1.8	0.2	31.0
Alat kelengkapan pengangkutan, bukan perusahaan	0.2	0.1	25.1	-35.7
Barang pengguna	4.1	4.2	8.2	3.5
Barang tahan lama	1.0	1.0	20.9	-0.9
Barang separa tahan lama	1.4	1.6	-1.6	15.2
Barang tidak tahan lama	1.7	1.6	11.1	-3.9
JUMLAH	6.5	7.1	7.1	9.7
Sumber: Jabatan Perangkaan				

ketara ialah barang tidak tahan lama yang turun sebanyak 3.9% (Januari-Julai 1995:11.1%) dan barang tahan lama 0.9% (Januari-Julai 1995:20.9%). Walau bagaimanapun barang separa tahan lama mencatatkan peningkatan sebanyak 15.2% kepada RM1.6 bilion (Januari-Julai 1995:-1.6%).

Import barang-barang lain (termasuk barang dua guna) mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 pada kadar 16.9% kepada RM6.3 bilion, berbanding dengan pertumbuhan yang lebih

Jadual 7.11

Import Barangan Lain Mengikut Pengguna Akhir - Kategori-kategori BEC (Januari-Julai)


	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)	
	1995	1996	1995	1996
Barang dua guna	3.1	3.3	51.6	8.0
Bahan api dan pelincir, diproses, minyak	0.7	0.8	15.8	12.1
Alat kelengkapan pengangkutan, motokar penumpang	2.4	2.5	66.2	6.8
Lain-lain	2.3	3.0	172.7	30.4
JUMLAH	5.4	6.3	70.6	16.9

Sumber: Jabatan Perangkaan

tinggi sebanyak 70.6% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Kenaikan import barang dua guna termasuk bahan api dan pelincir yang diproses serta minyak, alat kelengkapan pengangkutan dan motokar penumpang, adalah perlahan pada kadar 8.0% kepada RM3.3 bilion dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan pertumbuhan 51.6% dalam tempoh yang sama tahun 1995 (lihat Jadual 7.11).


Import untuk dieksport semula menurun pada kadar 5.6% dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 kepada RM4.2 bilion, berbanding dengan penurunan 6.5% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Import untuk dieksport semula masih merupakan bahagian yang kecil daripada jumlah import, menyumbangkan 3.7% daripada jumlah nilai import kasar. Import tertangguh, iaitu jumlah import ditolak import untuk dieksport semula, meningkat kepada RM109.6 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan RM103.7 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1995. Import tertangguh ini merupakan 96.3% daripada jumlah import kasar dalam tujuh bulan pertama tahun 1996.

Carta 7.7
Haluan Perdagangan
(Januari - Julai 1996)



Angka-angka di dalam rajah merupakan peratus daripada jumlah.
Sumber: Jabatan Perangkaan

Carta 7.8
Imbangan Perdagangan
(Januari - Julai 1996)



Sumber : Jabatan Perangkaan

Haluan Perdagangan

Jumlah dagangan Malaysia meningkat sebanyak 8.0% kepada RM226.2 bilion dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995:RM209.4 bilion). Eksport merupakan 49.7% manakala import mewakili 50.3% daripada jumlah dagangan Malaysia. Pertumbuhan eksport kasar yang dinilai secara f.o.b., meningkat sederhana pada 11.0% kepada RM112.4 bilion (Januari-Julai 1995:20.8%) manakala import kasar yang dinilai secara c.i.f. menurun dengan ketara pada kadar 5.2% kepada RM113.8 bilion (Januari-Julai 1995:28.3%). Kesannya, imbangan dagangan Malaysia dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 mencatatkan defisit yang lebih kecil iaitu RM1.4 bilion berbanding dengan RM6.9 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1995. Jepun, Amerika Syarikat, Singapura dan Kesatuan Eropah masih merupakan rakan dagangan utama Malaysia. Negara-negara ini menyumbangkan 67.6% daripada jumlah dagangan Malaysia yang berjumlah RM153.0 bilion dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan 69.4% dalam tempoh yang sama tahun

1995. Struktur dagangan dengan rakan dagangan utama ini secara amnya tidak berubah, dengan barangan perantaraan dan barangan modal merupakan import utama Malaysia manakala eksport mengandungi terutamanya barang perkilangan seperti elektronik dan keluaran elektrik, tekstil dan pakaian di samping barang berasaskan bahan mentah seperti komoditi utama. Dagangan dengan Ekonomi-ekonomi Perindustrian Baru yang terdiri daripada Hong Kong, Taiwan dan Republik Korea terus berkembang kepada 11.4% daripada jumlah dagangan dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan 8.9% dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Jepun kekal sebagai rakan dagangan terbesar Malaysia dengan jumlah dagangan bernilai RM43.6 bilion atau 19.3% daripada jumlah keseluruhan dagangan Malaysia dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.12. Pertumbuhan import dari Jepun telah menurun kepada 4.6% kepada RM28.3 bilion (Januari-Julai 1995:30.4%) disebabkan terutamanya oleh kemerosotan nilai yen manakala

Jadual 7.12
Perdagangan dengan Jepun
(Januari-Julai)

	<i>Eksport</i>				<i>Import</i>			
	<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>		<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>	
	1995	1996	1995	1996	1995	1996	1995	1996
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak ¹	0.7	0.6	36.7	-16.5	0.05	0.05	-27.2	-6.7
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir ²	4.5	4.6	11.2	3.8	0.2	0.2	19.8	-1.0
Barang-barang perkilangan, perantaraan ³	1.7	2.0	56.3	9.5	6.4	5.8	32.6	-9.9
Jentera dan kelengkapan pengangkutan ⁴	4.8	6.7	32.4	40.1	20.8	20.0	30.0	-3.8
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap ⁵	1.0	1.2	25.2	25.6	1.5	1.3	9.8	-14.5
Pelbagai ⁶	0.1	0.1	80.8	29.4	0.7	0.9	139.5	42.6
JUMLAH	12.8	15.2	26.5	18.8	29.7	28.3	30.4	-4.6
¹ Termasuk kod klasifikasi Piawain Perdagangan Antarabangsa (SITC) 0, 1 dan 4 ² Termasuk SITC 2 dan 3. ³ Termasuk SITC 5 dan 6. ⁴ Termasuk SITC 7 sahaja. ⁵ Termasuk SITC 8 sahaja. ⁶ Termasuk SITC 9 sahaja.								
<i>Sumber: Jabatan Perangkaan</i>								

eksport Malaysia ke Jepun berkembang perlahan pada kadar 18.8% kepada RM15.2 bilion dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1996:26.5%). Kesannya, defisit dagangan Malaysia dengan Jepun meningkat kepada RM13.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan defisit RM16.9 bilion dalam masa yang sama tahun 1995. Eksport ke Jepun merupakan 13.5% daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia (lihat Carta 7.7) dan mengandungi terutamanya mesin dan peralatan pengangkutan dan bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir. Keseluruhannya, eksport barangan ini merupakan 75.1% daripada jumlah

eksport ke Jepun dalam tujuh bulan pertama tahun 1996. Import dari Jepun yang mewakili 24.9% daripada jumlah import yang mengandungi terutamanya mesin dan peralatan pengangkutan dan barang perkilangan.

Amerika Syarikat (A.S.) merupakan rakan dagangan kedua besar dengan jumlah dagangan RM40.4 bilion atau menyumbangkan 17.8% daripada jumlah dagangan Malaysia dalam tujuh bulan pertama tahun 1996. Dagangan Malaysia dengan A.S berkembang pada 7.8% dalam tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995:16.5%). Dalam tempoh ini, import meningkat

Jadual 7.13
Perdagangan dengan Amerika Syarikat
(Januari-Julai)

	Eksport				Import			
	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)		Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)	
	1995	1996	1995	1996	1995	1996	1995	1996
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	0.3	0.3	3.5	-13.1	0.5	0.8	76.6	60.7
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir	0.5	0.5	10.4	15.0	0.3	0.5	-5.4	52.8
Barang-barang perkilangan, perantaraan	0.9	1.0	14.3	15.9	1.9	2.3	30.2	22.9
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	15.7	16.6	15.3	5.6	13.2	13.5	19.1	2.4
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	2.6	3.1	1.0	18.4	1.0	1.1	5.8	19.1
Pelbagai	0.2	0.1	759.7	-49.2	0.4	0.6	19.8	19.0
JUMLAH	20.2	21.6	13.8	7.1	17.3	18.8	19.9	8.7

Sumber: Jabatan Perangkaan

sebanyak 8.7% berikutan kenaikan import komponen elektrik sebanyak 67.7% manakala eksport meningkat dengan perlahan kepada 7.1%, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.13. Malaysia mencatatkan lebih dagangan yang rendah dengan A.S dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, berjumlah RM2.8 bilion berbanding dengan lebih RM2.9 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1995. Eksport Malaysia ke A.S merupakan 19.2% daripada jumlah eksport Malaysia dalam tujuh bulan pertama tahun 1996. Daripada keseluruhan eksport, 76.8% merupakan mesin dan peralatan pengangkutan dan barangan perkilangan, termasuk injap dan tiub termionik di samping fotosel; manakala 6.7% adalah tekstil, pakaian dan kelengkapan pakaian di samping sarung tangan getah. Import dari A.S merupakan 16.5% daripada jumlah import Malaysia dalam

tujuh bulan pertama tahun 1996, dengan komponen elektronik merupakan 21.9% daripada jumlah import Malaysia dari A.S.

Dagangan Malaysia dengan **Singapura** meningkat pada 9.0% kepada RM37.6 bilion dalam tujuh bulan pertama tahun 1996. Eksport ke Singapura meningkat pada 7.6% kepada RM22.6 bilion berbanding dengan RM21.0 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1995, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.14. Barangan eksport utama termasuklah mesin dan peralatan pengangkutan dan peralatan seperti barangan elektronik dan elektrik, dan komoditi utama seperti minyak mentah, minyak kelapa sawit yang telah diproses, getah, kayu gergaji dan biji koko. Dalam pada itu, import dari Singapura bernilai RM14.9 bilion berkembang pada 11.3%, selepas

Jadual 7.14
Perdagangan dengan Singapura
(Januari-Julai)

	Eksport				Import			
	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)		Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)	
	1995	1996	1995	1996	1995	1996	1995	1996
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	1.6	1.5	11.1	-6.7	0.1	0.1	11.7	24.1
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir	1.8	1.5	6.0	-15.0	1.9	2.1	12.9	12.3
Barang-barang perkilangan, perantaraan	2.1	2.4	4.7	16.1	1.8	1.8	18.9	2.9
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	13.5	15.0	27.4	10.3	8.1	9.6	4.8	11.8
Barang-barang perkilangan, barang-barang akhir	1.4	1.6	-0.4	16.0	0.6	0.6	5.0	-1.5
Pelbagai	0.6	0.6	177.7	2.3	0.9	1.3	56.5	27.1
JUMLAH	21.0	22.6	21.6	7.6	13.4	14.9	10.3	11.3
<i>Sumber:</i> Jabatan Perangkaan								

mencatatkan kenaikan 10.3% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Barangan import utama dari Singapura termasuk peralatan mesin dan peralatan pengangkutan, bahan mentah tidak boleh dimakan serta bahan api galian dan pelincir. Barangan ini merupakan 60.2% daripada jumlah import dari Singapura. Secara keseluruhan, Malaysia mencatatkan lebih dagangan yang lebih tinggi sebanyak RM7.7 bilion dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan lebih RM7.6 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Jumlah dagangan Malaysia dengan **Kesatuan Eropah (E.U.)** berkembang pada 2.1% kepada RM31.5 bilion atau 13.9% daripada jumlah dagangan dalam tujuh bulan pertama tahun 1996. Jumlah eksport ke E.U meningkat pada 8.3% kepada RM15.2 bilion, manakala import menurun pada 3.0% kepada RM16.3 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1996, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.15. Defisit dagangan Malaysia

dengan E.U menurun sedikit kepada RM1.1 bilion daripada RM2.7 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1995. Eksport ke E.U mengandungi terutamanya komoditi utama seperti getah, timah, biji koko, minyak kelapa sawit dan eksport barangan perkilangan, terutamanya peralatan pejabat dan telekomunikasi, tekstil, pakaian dan komponen elektronik. Sebaliknya pula, import utama dari E.U adalah mesin dan peralatan pengangkutan dan barangan perkilangan. Di antara negara-negara E.U, dagangan dengan **United Kingdom (U.K)** dan **Jerman** terus kukuh. Eksport ke kedua-dua negara ini meningkat pada kadar 2.8% kepada RM7.5 bilion yang merupakan lebih kurang 49.1% daripada jumlah eksport Malaysia ke E.U. Dalam pada itu, import dari kedua-dua negara ini turun pada 3.2% kepada RM7.7 bilion, mewakili 47.5% daripada jumlah import dari EU, selepas mencatatkan kenaikan sebanyak 25.5% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Eksport Malaysia ke U.K meningkat pada kadar 2.4% kepada RM4.1 bilion manakala import menurun pada 9.7% kepada

Jadual 7.15
Perdagangan dengan Kesatuan Eropah
(Januari-Julai)

	Eksport				Import			
	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)		Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)	
	1995	1996	1995	1996	1995	1996	1995	1996
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	1.2	1.3	3.1	7.1	0.5	0.6	22.7	14.0
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir	1.4	1.1	19.2	-18.3	0.3	0.2	41.3	-20.0
Barang-barang perkilangan, perantaraan	1.3	1.3	15.2	1.1	3.3	3.2	10.9	-0.5
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	8.1	9.4	24.4	15.5	11.2	10.9	66.5	-2.7
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	1.8	2.0	-2.8	9.4	0.6	0.8	23.7	15.5
Pelbagai	0.3	0.1	425.1	-43.7	0.9	0.6	23.9	-34.1
JUMLAH	14.1	15.2	17.6	8.3	16.8	16.3	51.0	-3.0

Sumber: Jabatan Perangkaan

RM2.9 bilion menghasilkan lebih dagangan sebanyak RM1.2 bilion. Eksport ke Jerman meningkat pada 3.3% kepada RM3.4 bilion, manakala import meningkat pada kadar 1.4% kepada RM4.8 bilion, mengakibatkan defisit dagangan sebanyak RM1.4 bilion. Di antara negara-negara E.U, U.K merupakan pengimport terbesar barangan Malaysia dalam tempoh tersebut.

Dagangan dengan **Ekonomi-ekonomi Perindustrian Baru (NIE)** di Asia (tidak termasuk Singapura) berkembang pada kadar 39.1% kepada RM25.8 bilion atau 11.4% daripada jumlah dagangan Malaysia dalam tujuh bulan pertama tahun 1996. Eksport berkembang pada kadar 41.6% kepada RM13.8 bilion manakala import berkembang pada kadar 36.3% kepada RM12.0 bilion, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.16. Secara keseluruhan, Malaysia mencatatkan lebih dagangan bernilai RM1.8 bilion dengan NIE sepanjang tempoh yang dikaji. Eksport utama

merupakan mesin dan peralatan pengangkutan dan barangan perkilangan manakala import barangan utama ialah mesin dan peralatan pengangkutan, barangan perkilangan, bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir. Eksport ke Hong Kong berjumlah RM2.6 bilion manakala import bernilai RM2.2 bilion. Dari segi nilai bersih, Malaysia mencatatkan lebih dagangan sebanyak RM0.4 bilion dengan Hong Kong. Eksport ke Taiwan pula berjumlah RM5.6 bilion manakala import berjumlah RM5.5 bilion, menghasilkan lebih dagangan sebanyak RM0.1 bilion. Dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, lebih dagangan dengan Republik Korea ialah RM0.1 bilion, dengan eksport berjumlah RM5.6 bilion dan import RM5.5 bilion.

Dagangan Malaysia dengan **negara-negara ASEAN** (tidak termasuk Singapura) berkembang pada 25.4% kepada RM15.4 bilion atau 6.8% daripada jumlah dagangan Malaysia dalam tujuh bulan pertama 1996. Eksport ke kelima-lima negara

ASEAN tersebut yang terdiri daripada Brunei, Indonesia, Filipina, Thailand and Vietnam meningkat pada kadar 25.9% kepada RM8.7 bilion. Barangan eksport utama merupakan barangan perkilangan, tekstil, pakaian, makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak. Import yang termasuk barang-barang pengguna siap, bahan api galian dan pelincir berkembang pada 24.8% kepada RM6.6 bilion. Lantaran itu, Malaysia mencatatkan lebih dagangan sebanyak RM2.1 bilion dengan kelima-lima negara ASEAN tersebut dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, lebih tinggi daripada yang dicatatkan dalam tempoh yang sama dalam tahun 1995 iaitu RM1.6 bilion. Di antara negara-negara ASEAN, Malaysia mencatatkan defisit dagangan hanya dengan Indonesia, berjumlah RM0.3 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996.

Dagangan Malaysia dengan **Republik Rakyat China (R.R. China)** berkurangan sebanyak 33.3% dalam tujuh bulan pertama tahun 1996. Kemerosotan ini adalah berikutan kejatuhan 50.9% eksport kepada RM2.6 bilion terutamanya kesan daripada eksport makanan dan tembakau serta barangan makanan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, import hanya meningkat sebanyak 5.4% kepada RM2.5 bilion dalam tujuh bulan pertama tahun 1996. Kesannya, dagangan Malaysia dengan R.R. China mencatatkan lebihan yang lebih kecil iaitu RM0.1 bilion, berbanding dengan lebihan RM2.9 bilion dalam tempoh yang sama dalam tahun 1995. Eksport Malaysia ke R.R. China mengandungi terutamanya barangan utama seperti kayu balak, getah dan minyak kelapa sawit di samping barangan perkilangan, manakala import dari R.R. China merupakan terutamanya

Jadual 7.16
Perdagangan dengan Ekonomi-ekonomi Perindustrian Baru di Asia¹
(Januari-Julai)

	Eksport				Import			
	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)		Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)	
	1995	1996	1995	1996	1995	1996	1995	1996
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	0.6	0.1	13.8	-82.1	0.1	0.1	-9.6	11.1
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahan api galian dan pelincir	2.1	0.2	3.5	-88.1	0.1	0.2	15.3	86.0
Barang-barang perkilangan, perantaraan	2.3	3.4	30.5	48.7	2.7	3.6	11.2	34.8
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	4.1	8.2	9.2	98.9	4.9	6.6	40.6	34.0
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	0.5	0.8	5.3	57.9	0.6	0.8	12.9	19.1
Pelbagai	0.1	1.1	44.7	1,485.4	0.3	0.7	60.5	108.8
JUMLAH	9.7	13.8	12.4	41.6	8.7	12.0	27.3	36.3

¹ Termasuk Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong sahaja.

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 7.17

**Haluan Perdagangan dengan Rakan-rakan Dagangan Lain
(Januari-Julai)**

	Eksport				Import				Imbangan perdagangan (RM juta)	
	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)		Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)		1995	1996
	1995	1996	1995	1996	1995	1996	1995	1996		
ASEAN (tidak termasuk Singapura)	6.9	8.7	25.6	25.9	5.3	6.6	37.3	24.8	1.6	2.1
China	5.3	2.6	82.5	-50.9	2.4	2.5	18.8	5.4	2.9	0.1
Australia	1.6	1.7	47.5	3.9	2.8	3.1	16.1	12.6	-1.2	-1.5
New Zealand	0.3	0.4	-54.8	52.2	0.4	0.5	1.2	29.1	-0.2	-0.2
Asia Barat	2.3	2.1	38.6	-6.5	0.6	1.0	14.2	39.1	1.7	1.3
Eropah Timur & Tengah	0.2	0.2	46.2	-17.7	0.2	0.2	62.4	-17.5	-0.03	-0.03
Rakan-rakan dagangan lain	5.1	8.0	-18.5	56.8	6.9	7.7	11.6	12.8	-1.8	0.2
JUMLAH	21.7	23.7	19.7	20.0	18.6	21.6	20.0	16.1	3.1	2.1
(Sumbangan Kepada jumlah eksport atau import)	18.4	21.7			17.3	18.4				

Sumber: Jabatan Perangkaan

barangan perkilangan, barangan kaca, ubat-ubatan dan barang-barang farmasi.

Dagangan dengan **Australia** berkembang pada kadar 9.4% kepada RM4.8 bilion manakala dengan **New Zealand** pada kadar 37.7% kepada RM0.9 bilion dalam tujuh bulan pertama 1996. Malaysia terus mencatatkan defisit dagangan dengan kedua-dua negara Australia dan New Zealand, dalam tujuh bulan pertama tahun 1996. Eksport ke Australia meningkat pada 3.9% kepada RM1.7 bilion manakala import berkembang pada 12.6% kepada RM3.1 bilion. Pertumbuhan import yang pesat dari Australia telah mengakibatkan defisit dagangan yang lebih besar, berjumlah RM1.5 bilion, (Januari-Julai 1995:RM1.2 bilion). Dalam pada itu, eksport ke New Zealand meningkat

pada 52.2% kepada RM0.4 bilion manakala import meningkat pada 29.1% kepada RM0.5 bilion. Walaupun terdapat peningkatan eksport, imbangan dagangan kekal memihak kepada New Zealand. Akan tetapi, defisit dagangan dengan New Zealand turun kepada RM0.1 bilion dalam tujuh bulan pertama 1996 daripada RM0.2 bilion dalam tempoh yang sama 1995. Australia dan New Zealand kekal sebagai sumber import utama Malaysia bagi keluaran tenusu, gandum dan daging manakala eksport Malaysia ke kedua-dua negara tersebut terutamanya adalah minyak kelapa sawit, getah, minyak mentah dan kayu gergaji.

Jumlah dagangan Malaysia dengan **Asia Barat** meningkat pada 2.7% dalam tujuh bulan pertama 1996 kepada RM3.0 bilion. Jumlah eksport ke

Asia Barat menurun 6.5% kepada RM2.1 bilion manakala import berkembang pada 39.1% kepada RM1.0 bilion. Justeru itu, dagangan Malaysia dengan negara-negara Asia Barat mencatatkan lebih sebanyak RM1.3 bilion dalam tempoh yang disebut. Eksport ke Asia Barat terutamanya adalah minyak kelapa sawit, barang-barang makanan dan barang-barang elektrik. Sebaliknya, import utama ke Asia Barat ialah bahan api galian, pelincir dan bahan mentah bukan makanan. Rakan dagangan utama Malaysia dalam tujuh bulan pertama 1996 ialah Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Iran, Kuwait dan Jordan yang merangkumi 86.2% daripada jumlah dagangan Malaysia dengan negara-negara Asia Barat.

Jumlah dagangan dengan **Eropah Tengah dan Timur** berjumlah RM0.4 bilion dalam tujuh bulan pertama tahun 1996, jatuh sebanyak 17.6% berbanding dalam tempoh yang sama 1995. Ini disebabkan kemerosotan sebanyak 17.5% import kepada RM0.2 bilion dan juga kejatuhan sebanyak 17.7% eksport kepada RM0.2 bilion. Pada keseluruhannya, Malaysia mencatatkan defisit dagangan yang rendah iaitu RM31 juta berbanding dengan defisit RM34 juta dalam tempoh yang sama pada 1995. Eksport utama ke negara-negara tersebut ialah mesin dan peralatan pengangkutan, bahan mentah dan barang perkilangan manakala import terutamanya barangan perkilangan, mesin dan peralatan pengangkutan serta bahan makanan.

Dagangan Malaysia dengan negara-negara lain seperti Cambodia, Myanmar, Laos, Afrika Selatan dan negara-negara di Amerika Tengah dan Selatan juga meningkat dalam tempoh yang dikaji. Walau bagaimanapun, dagangan dengan negara-negara ini masih merupakan sebahagian yang kecil daripada jumlah dagangan Malaysia. Bagi membantu para pengeksport Malaysia menembusi pasaran bukan tradisional ini, Kerajaan telah mengambil inisiatif mengadakan peraturan pembayaran dua hala (BPA), yang mana risiko pembelian kredit biasa ditukarkan kepada risiko negara. Pada masa ini, Malaysia telah mengadakan BPA dengan lima belas buah negara-negara sedang membangun termasuk Zimbabwe, Mexico, Chile dan Peru.

Imbangan Pembayaran

Kedudukan **imbangan pembayaran** dijangka kukuh dalam tahun 1996 dengan akaun semasa

dijangka mencatat defisit yang lebih rendah. Pertumbuhan import dagangan dijangka menjadi perlahan dengan ketara, iaitu kurang dari pertumbuhan eksport dagangan. Ini menghasilkan lebihan yang tinggi dalam akaun dagangan. Walau bagaimanapun, defisit akaun perkhidmatan dijangka semakin melebar, menggambarkan ketidakupayaan sektor perkhidmatan mengeksport perkhidmatan dan memenuhi permintaan dalam negeri serta peningkatan bayaran bersih pendapatan pelaburan, terutamanya disebabkan peningkatan pelaburan asing. Dengan defisit akaun semasa yang mengecil, imbalan asas dijangka juga mencatatkan defisit yang semakin kecil dalam tahun 1996, disebabkan oleh peningkatan bayaran bersih oleh Kerajaan Persekutuan bagi mengurangkan pinjaman luar serta pinjaman bersih yang lebih rendah oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan pelaburan rakyat Malaysia di luar negara yang lebih besar daripada kemasukan kukuh pelaburan asing langsung kasar. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya imbalan pembayaran dijangka mencatatkan lebihan, iaitu selepas mengambilkira pergerakan modal jangka pendek serta ralat dan butiran yang tidak diambilkira. Justeru itu, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia dijangka meningkat sebanyak RM1.2 bilion kepada RM65.0 bilion pada akhir tahun 1996, mampu untuk membiayai 4.1 bulan import tertangguh.

Akaun Semasa

Eksport dagangan, dinilai tanpa pengangkutan dan insurans (f.o.b) dijangka meningkat sebanyak 4.2% kepada RM187.0 bilion dalam tahun 1996. Walau bagaimanapun, kadar peningkatan ini lebih rendah jika dibandingkan dengan pertumbuhan sebanyak 20.9% yang dicatatkan dalam tahun 1995, menggambarkan penurunan terutamanya eksport komoditi pertanian berikutan kemerosotan harga komoditi serta pertumbuhan eksport barang-barang perkilangan yang perlahan. Sebaliknya, pertumbuhan import dagangan dijangka perlahan iaitu sebanyak 1.7% kepada RM182.4 bilion dalam tahun 1996 (1995:24.5%), menggambarkan permintaan dalam negeri yang lebih perlahan serta pengembangan keupayaan pengeluaran dalam negeri. Pertumbuhan import dagangan yang rendah juga mencerminkan kekurangan jumlah kapal terbang dan kapal yang dibeli oleh syarikat penerbangan dan perkapalan kebangsaan dalam

Jadual 7.18
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran
(RM juta)

	1995			1996 ^a		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
Akaun dagangan (Eksport & import fob)	179,491	179,258	233	187,020	182,377	4,643
Akaun perkhidmatan	35,703	54,744	-19,041	38,817	58,240	-19,423
Tambang dan insurans	2,552	11,580	-9,028	2,657	11,786	-9,129
Pengangkutan lain	4,443	3,697	746	5,257	4,362	895
Perjalanan	9,939	5,796	4,143	11,064	6,288	4,776
Pendapatan pelaburan	6,259	16,821	-10,562	6,367	17,797	-11,430
Urus niaga Kerajaan	319	342	-23	340	350	-10
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	12,191	16,508	-4,317	13,132	17,657	-4,525
Akaun dagangan dan perkhidmatan	215,194	234,002	-18,808	225,837	240,617	-14,780
Pindahan	944	826	118	809	800	9
Akaun semasa	216,138	234,828	-18,690	226,646	241,417	-14,771

^a Anggaran

tahun 1996. Hasilnya, akaun dagangan dijangka mencatatkan lebihan yang besar sebanyak RM4.6 bilion dalam tahun 1996, berbanding dengan lebihan RM0.2 bilion dalam tahun 1995.

Dalam pada itu, **defisit akaun perkhidmatan** dijangka semakin melebar pada kadar 2% kepada RM19.4 daripada RM19.0 bilion pada tahun 1995. Bayaran perkhidmatan kasar dijangka meningkat 6.4% (1995:13.2%) kepada RM58.2 bilion dalam tahun 1996, sementara terimaan kasar dijangka meningkat dengan lebih sederhana iaitu sebanyak 8.7% (1995:14.0%) kepada RM38.8 bilion. Defisit akaun perkhidmatan yang semakin melebar berpunca dari aliran keluar yang tinggi bagi

pendapatan pelaburan, bayaran untuk kontrak dan yuran profesional dan juga tambang dan insurans. Walaupun demikian, sebagai peratusan daripada KNK, defisit dalam akaun perkhidmatan telah mengecil daripada 9.2% daripada KNK dalam tahun 1995 kepada 8.3% dalam tahun 1996. Ini disebabkan oleh pertumbuhan perolehan yang kukuh dari eksport perkhidmatan, iaitu 8.7% berbanding dengan pertumbuhan di dalam pembayaran perkhidmatan pada 6.4%.

Aliran keluar **pendapatan pelaburan** terus menjadi komponen yang terbesar dalam menyumbangkan kepada defisit dalam akaun

perkhidmatan. Pembayaran kasar kepada pendapatan pelaburan disebabkan oleh bayaran keuntungan dan dividen dan bayaran faedah yang dijangka meningkat dari RM16.8 bilion dalam tahun 1995 ke RM17.8 bilion dalam tahun 1996. Dividen dan keuntungan dijangka meningkat dari RM13.2 bilion (1995:RM12.4 bilion) disebabkan peningkatan stok pelaburan asing. Bayaran faedah juga dijangka meningkat sebanyak 4.2% kepada RM4.6 bilion, terutamanya disebabkan oleh pinjaman oleh PABK dan sektor swasta yang mengimbangi pengurangan bayaran faedah oleh Kerajaan Persekutuan dari RM0.9 bilion dalam tahun 1995 ke RM0.7 bilion dalam tahun 1996. Sebaliknya, aliran masuk pendapatan pelaburan yang termasuk pendapatan daripada harta di luar negeri, terutamanya yang dimiliki oleh Bank Negara Malaysia dan pendapatan dari sektor korporat dan perbankan Malaysia dijangka meningkat secara sederhana pada 1.7% kepada RM6.4 bilion dalam tahun 1996. Terimaan dari dividen dan keuntungan yang diperolehi daripada sektor swasta dijangka meningkat sebanyak 8.4% kepada RM1.7 bilion dalam 1996, dengan keuntungan dan dividen terkumpul dijangka meningkat 20.0% kepada RM1.2 bilion, mencerminkan kesan dari tahap pelaburan Malaysia yang tinggi di luar negeri. Sebaliknya, terimaan faedah dijangka meningkat kepada tahap yang sederhana, iaitu RM4.7 bilion dalam tahun 1996, terutamanya disebabkan oleh pendapatan yang rendah dari harta Bank Negara Malaysia di luar negeri. Justeru itu, pembayaran pendapatan pelaburan dijangka meningkat sebanyak 8.2% dalam tahun 1996 kepada RM11.4 bilion yang merupakan 58.8% daripada jumlah pembayaran bersih ke atas akaun perkhidmatan (1995: 55.5%).

Pembayaran bersih ke atas **tambang dan insurans** dijangka meningkat dari 1.1% kepada RM9.1 bilion dalam tahun 1996, yang merupakan 47.0% daripada pembayaran perkhidmatan bersih (1995:49.9%). Pembayaran kasar kepada tambang dan insurans, yang menyumbangkan 20.2% daripada jumlah kasar aliran keluar perkhidmatan, dijangka meningkat sebanyak 6.0% kepada RM11.8 bilion (1995: RM11.6 bilion). Sebagaimana pada tahun-tahun yang lepas, pembayaran tambang dan insurans yang tinggi disebabkan oleh ketidakupayaan industri perkapalan dalam negeri dan industri insurans menampung permintaan untuk perkhidmatan berikutan dengan meningkatnya perdagangan antarabangsa. Bagi terimaan pula, perolehan oleh perkhidmatan perkapalan dalam

negeri, syarikat penerbangan kebangsaan dan industri insurans telah meningkat sebanyak 4.1% (1995:24.2%) kepada RM2.7 bilion, selaras dengan pengembangan kapasiti yang dilakukan oleh industri ini dalam tahun-tahun kebelakangan ini bagi memenuhi peningkatan dalam jumlah kargo yang dikendalikan.

Defisit bagi **perkhidmatan-perkhidmatan lain** pula dijangkakan mengecil sedikit iaitu dari RM4.3 bilion dalam tahun 1995 kepada RM4.5 bilion dalam tahun 1996. Ini disebabkan oleh kadar pertumbuhan yang tinggi dari terimaan kasar, iaitu pada 7.7% kepada RM13.1 bilion, berbanding dengan peningkatan yang dijangkakan dalam pembayaran kasar dari 7.0% kepada RM17.6 bilion. Peningkatan terimaan kasar yang kukuh disokong oleh peningkatan sebanyak 14.0% perolehan ke atas perkhidmatan kontrak dan profesional, yuran agensi dan insurans bukan dagangan yang berjumlah RM4.9 bilion, atau sebagai 37.3% dari jumlah terimaan kasar perkhidmatan-perkhidmatan lain. Peningkatan pembayaran kasar sebahagian besarnya berpunca oleh peningkatan pembayaran kepada kontraktor bukan pemastautin selaras dengan pelaksanaan projek-projek yang besar dalam negara. Bayaran bagi sewa dan royalti dan yuran agensi dan bayaran bagi kontrak dan profesional dijangka berjumlah RM7.9 bilion (1995:RM6.5 bilion), mewakili 44.7% dari jumlah bayaran kasar dalam tahun 1996.

Akaun perjalanan dijangka mencatatkan terimaan bersih sebanyak RM4.8 bilion dalam tahun 1996, iaitu suatu peningkatan jika dibandingkan dengan terimaan bersih sebanyak RM4.1 bilion dalam tahun 1995. Ini terutamanya disebabkan oleh pendapatan yang tinggi dihasilkan oleh sektor pelancongan. Dalam tahun 1996 jumlah pelancong yang melawat Malaysia dijangka meningkat sebanyak 16.0% kepada 8.7 juta orang (1995:7.5 juta orang) menghasilkan pendapatan pertukaran asing sebanyak RM10.3 bilion. Usaha-usaha penggalakkan yang berterusan dijalankan di pasaran tradisional dan juga pasaran-pasaran baru, termasuk Jepun, Taiwan dan negara-negara Amerika Latin bagi memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dengan menawarkan pelbagai produk seperti pelancongan berasaskan alam semula jadi serta sebagai pusat konvesyen antarabangsa, telah membantu menghasilkan kedatangan yang lebih besar para

pelancong ke Malaysia. Ketibaan para pelancong dari negara-negara ASEAN dijangka terus besar, menyumbangkan hampir 75% daripada jumlah ketibaan pelancong. Ketibaan pelancong dari Singapura dijangkakan menyumbangkan kepada 60% daripada jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia. Ketibaan pelancong dari negara-negara ASEAN yang lain dan termasuk dari Jepun, dijangka menyumbangkan 4.4% daripada jumlah ketibaan pelancong, Taiwan 3.9%, United Kingdom 2.2%, Hong Kong 2.0% dan Australia 1.8%. Dari segi pembayaran, ia dijangka meningkat dengan kadar yang perlahan sebanyak 8.5% kepada RM6.3 bilion (1995: 10.8%), menggambarkan keberkesanan usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelajar-pelajar Malaysia terutamanya yang ditaja oleh Kerajaan supaya menuntut di dalam negeri serta perkembangan dalam bilangan kolej swasta yang menawarkan pendidikan peringkat tinggi melalui program berkembar. Walau bagaimanapun, pembayaran pelancongan ke luar negeri oleh rakyat Malaysia dijangka terus meningkat, sejajar dengan tahap yang tinggi pendapatan bolehguna.

Pada tahun 1996, **pengangkutan-pengangkutan lain** yang meliputi tambang penumpang, perbelanjaan pelabuhan dan lapangan terbang, bahan bakar kapal dan bayaran sewa kapal dan kapalterbang, dijangka mencatatkan lebih sebanyak RM0.9 bilion. Terimaan kasar dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain dijangka melonjak sebanyak 18.3% kepada RM5.3 bilion dalam tahun 1996, dari RM4.4 bilion dalam tahun 1995, terutamanya disebabkan oleh pengembangan keupayaan Penerbangan Malaysia yang membolehkan peningkatan kekerapan penerbangannya serta pengwujudan destinasi baru. Peningkatan jumlah kapal utama asing yang singgah di pelabuhan-pelabuhan Malaysia, terutamanya di Pelabuhan Kelang juga membantu menyumbangkan terimaan yang tinggi dari perkhidmatan yang berkaitan dengan pelabuhan. Walau bagaimanapun, pembayaran kasar untuk pengangkutan-pengangkutan lain juga dijangka meningkat dengan ketara, iaitu sebanyak 18.0% daripada RM3.7 bilion dalam tahun 1995 kepada RM4.4 bilion dalam tahun 1996. Ini merupakan kesan daripada bayaran untuk pelabuhan dan lapangan terbang oleh syarikat perkapalan dan pengangkutan kebangsaan, yang dijangka singgah lebih kerap di lapangan terbang dan pelabuhan asing selaras dengan bertambahnya bilangan kapal

terbang dan kapal serta pengembangan keupayaannya.

Akaun urus niaga Kerajaan dijangka mencatatkan defisit bersih yang lebih kecil iaitu RM10 juta dalam tahun 1996 berbanding dengan defisit sebanyak RM23 juta dalam tahun 1995. Pembayaran bersih ke luar negeri adalah terutamanya perbelanjaan oleh kedutaan Malaysia di luar negeri dan bantuan teknikal yang disediakan oleh Kerajaan kepada negara Dunia Ketiga di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia. Jumlah terimaan urusniaga Kerajaan juga dijangkakan meningkat dari 6.6% kepada RM0.3 bilion dalam tahun 1996, hasil daripada peningkatan perbelanjaan oleh kedutaan asing di Malaysia.

Dengan peningkatan lebih akaun perdagangan yang lebih besar daripada peningkatan pembayaran bersih ke atas perkhidmatan, dan selepas mengambilkira bayaran pindahan bersih sebanyak RM9 juta, **akaun semasa** imbalan pembayaran dijangka mencatatkan defisit yang lebih kecil sebanyak RM14.8 bilion atau 6.3% daripada KNK dalam tahun 1996, berbanding dengan defisit sebanyak RM18.7 bilion atau 9.0% daripada KNK dalam tahun 1995.

Akaun Modal

Akaun modal jangka panjang dijangka mencatatkan aliran masuk bersih yang rendah iaitu sebanyak RM12.4 bilion dalam tahun 1996 berbanding dengan RM16.2 bilion dalam tahun 1995. Aliran masih bersih yang rendah adalah disebabkan oleh peningkatan pembayaran bersih oleh Kerajaan Persekutuan bagi mengurangkan pinjaman luar, pinjaman luar bersih yang lebih rendah oleh PABK serta tahap pelaburan yang tinggi ke luar negeri oleh rakyat Malaysia yang dijangka melebihi aliran masuk kasar pelaburan langsung asing.

Modal rasmi jangka panjang juga dijangka mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM1.6 bilion dalam tahun 1996, berbanding dengan RM5.8 bilion dalam tahun 1995. Ini disebabkan oleh pembayaran bersih yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan bagi mengurangkan pinjaman luar dan pinjaman luar bersih yang rendah oleh PABK. Pada tahun 1996, Kerajaan Persekutuan dijangka meminjam RM0.8 bilion tetapi membayar balik

sebanyak RM2.7 bilion, menghasilkan pembayaran balik bersih sebanyak RM1.9 bilion berbanding dengan pembayaran bersih sebanyak RM1.6 bilion dalam tahun 1995. Demikian juga dengan pinjaman luar yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan, pembayaran balik bersih untuk tahun 1996 dijangka lebih tinggi iaitu pada RM1.3 bilion berbanding dengan pinjaman sebanyak RM0.6 bilion dalam tahun 1995. Pinjaman bersih oleh PABK dijangka berkurangan kepada RM3.4 bilion (1995:RM7.5 bilion) akibat daripada pinjaman kasar bersih dan pembayaran balik yang tetap oleh PABK. Aliran masuk kasar bagi modal jangka panjang dijangka meningkat 7.9% kepada RM18.1 bilion, yang lebih dari mencukupi untuk membiayai defisit akaun semasa yang dijangkakan. Aliran masuk ini mencerminkan keyakinan yang berterusan para pelabur asing terhadap Malaysia sebagai pusat pelaburan di rantau ini. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh peningkatan pelaburan keluar negeri oleh rakyat Malaysia, pendapatan yang diperolehi dari pelaburan dari RM6.4 bilion dalam tahun 1995 kepada RM7.3 bilion dalam tahun 1996, aliran masuk bersih modal jangka panjang swasta dijangka pada RM10.8 bilion dalam tahun 1996 (1995:RM10.3 bilion).

Dengan anggaran aliran masuk modal jangka panjang bersih sebanyak RM12.4 bilion yang masih tidak mencukupi untuk menampung defisit akaun semasa yang dijangkakan sebanyak RM14.8 bilion, **imbangan asas** dijangka mencatatkan defisit sebanyak RM2.4 bilion dalam tahun 1996 (1995: defisit RM2.5 bilion). Ini adalah tahun ketiga berturut-turut imbalan asas mengalami defisit, yang memerlukan penggemblingan usaha yang lebih bagi menggalakkan tabungan negara dan pada masa yang sama memastikan tahap pelaburan dalam negeri serta pelaburan ke luar negeri yang dilakukan oleh rakyat Malaysia sejajar dengan keupayaan sumber negara. Walau bagaimanapun, setelah mengambilkira pergerakan modal jangka pendek serta ralat dan butiran yang tidak diambilkira berjumlah RM3.6 bilion, **imbangan keseluruhan** bagi kedudukan pembayaran dijangka mencatatkan lebihan sebanyak RM1.2 bilion, berbanding defisit sebanyak RM4.4 bilion pada tahun 1995. Justeru itu, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia dijangka meningkat sebanyak RM1.2 bilion kepada RM65.0 bilion pada akhir tahun 1996, mampu untuk membiayai 4.1 bulan import tertangguh.


Pasaran Pertukaran Wang Asing

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, nilai ringgit meningkat berbanding dengan kesemua matawang utama di pasaran matawang antarabangsa. Nilai ringgit meningkat sebanyak 7.3% berbanding dengan yen Jepun, 4.6% berbanding dengan deuschemark, 1.8% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS), 1.3% berbanding dengan dolar Singapura dan 1.2% berbanding dengan pound sterling. Berbanding dengan indeks komposit, yang merangkumi matawang-matawang rakan perdagangan utama Malaysia, nilai ringgit mencatatkan kenaikan sebanyak 2.8%. Dari segi Hak Pengeluaran Khas (SDR), Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) pula, nilai ringgit meningkat sebanyak 3.9%.

Pada permulaan tahun ini, sentimen terhadap ringgit adalah lembap memandangkan kebimbangan semula terhadap defisit akaun semasa imbalan pembayaran berikutan pengumuman data dagangan bagi bulan Oktober 1995 dan prestasi dolar Amerika Syarikat yang lebih kukuh. Walau bagaimanapun, tekanan ke atas nilai ringgit ini sementara sahaja dan ia seterusnya meningkat semula kepada AS\$1 = RM2.5615 pada akhir bulan Januari 1996. Pengumuman mengenai data dagangan yang lebih baik bagi bulan November dan Disember 1995 memperbaiki sentimen nilai ringgit, iaitu nilai ringgit menjadi kukuh pada tahap AS\$1=RM2.5368 pada akhir bulan Mac 1996. Kekukuhan nilai ringgit ini juga disebabkan oleh aliran masuk dana asing bagi tujuan pelaburan portfolio dalam pasaran saham negara serta untuk mendapatkan keuntungan daripada perbezaan kadar faedah yang wujud pada masa tersebut. Nilai ringgit meningkat terus kepada tahap AS\$1 = RM2.4930 pada akhir bulan April. Ia kemudiannya menjadi stabil dalam lingkungan AS\$1 = RM2.48-RM2.49. Pada akhir bulan Ogos 1996, nilai ringgit terus kukuh berbanding dengan dolar Amerika Syarikat pada tahap AS\$1 = RM2.4945 (akhir tahun 1995: AS\$1 = RM2.5405).

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, jumlah urusan niaga pasaran pertukaran asing bernilai RM533.9 bilion, di mana sebanyak 84.8% melibatkan penggunaan **dolar Amerika Syarikat**. Pergerakan nilai ringgit berbanding dengan matawang utama lain mencerminkan terutamanya pergerakan dolar Amerika Syarikat berbanding

Carta 7.9
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia ^{1/}



1/ Pada akhir bulan Mac, Jun, September dan Disember

2/ RM = ¥ 100

3/ Pada 30 Ogos 1996

↗ Kenaikan nilai Ringgit Malaysia
↘ Kesusutan nilai Ringgit Malaysia

dengan matawang-matawang ini dalam pasaran pertukaran antarabangsa. Nilai ringgit meningkat sedikit sebanyak 0.1% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat daripada AS\$1 = RM2.5405 pada akhir tahun 1995 kepada AS\$1 = RM2.5368 pada akhir tempoh suku pertama tahun 1996. Nilai ringgit kemudiannya meningkat 1.9% untuk mencapai tahap AS\$1 = RM2.4930 pada akhir bulan April 1996. Seterusnya, nilai ringgit menjadi stabil dalam lingkungan kecil dan ditutup 1.8% lebih tinggi berbanding dengan dolar Amerika Syarikat pada tahap AS\$1 = RM2.4945 pada akhir bulan Ogos 1996. Pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan dolar Amerika Syarikat menggambarkan asas ekonomi negara yang bertambah kukuh.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, nilai ringgit terus meningkat berbanding dengan **yen Jepun (¥)**. Memandangkan kemerosotan nilai yen Jepun yang berterusan dalam pasaran pertukaran antarabangsa berbanding dengan dolar Amerika Syarikat, yang merupakan matawang perdagangan dalam pasaran pertukaran tempatan, nilai ringgit, seperti yang dilihat pada kadar pertukaran melintang, ditutup lebih tinggi berbanding dengan yen Jepun dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996. Mencerminkan pengukuhan ketara dolar Amerika Syarikat berbanding dengan yen Jepun, nilai ringgit meningkat dengan ketara sebanyak 7.3% berbanding yen Jepun kepada ¥100 = RM2.3011 pada akhir bulan Ogos 1996 daripada ¥100 = RM2.4689 pada akhir tahun 1995.

Dalam tempoh suku pertama tahun 1996, nilai ringgit menjadi lemah berbanding dengan **dolar Singapura (S\$)**, menggambarkan terutamanya pengukuhan dolar Singapura dalam pasaran pertukaran antarabangsa. Nilai ringgit menyusut 0.3% berbanding dengan dolar Singapura daripada S\$1 = RM1.7958 pada akhir tahun 1995 kepada S\$1 = RM1.8020 pada akhir bulan Mac 1996. Walau bagaimanapun, semenjak bulan April 1996, nilai ringgit menjadi kukuh berbanding dengan dolar Singapura selaras dengan pengumuman data makroekonomi Malaysia yang lebih baik yang seterusnya telah memperbaiki keseluruhan sentimen pasaran terhadap ringgit. Nilai ringgit mengukuh sebanyak 1.3% berbanding dengan dolar Singapura kepada S\$1=RM1.7728 pada akhir bulan Ogos 1996 daripada S\$1 = RM1.7958 pada akhir tahun 1995.

Berbanding dengan **pound sterling (£)**, nilai ringgit meningkat dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996. Nilai ringgit mengukuh 1.7% berbanding dengan pound sterling daripada tahap £1=RM3.9302 pada akhir tahun 1995 kepada £1=RM3.8632 pada akhir bulan Jun 1996. Nilai ringgit terus meningkat sebanyak 1.2% berbanding dengan pound sterling daripada akhir tahun 1995 kepada tahap £1=RM3.8834 pada akhir bulan Ogos 1996. Pada masa yang sama,

nilai ringgit juga turut meningkat berbanding dengan **deutschemark (DM)** dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996. Ia ditutup lebih tinggi sebanyak 2.7% berbanding dengan deutschemark kepada DM1 = RM1.7205 pada akhir bulan Mac 1996, berbanding dengan DM1 = RM1.7673 pada akhir tahun 1995. Nilai ringgit terus meningkat sebanyak 4.6% berbanding dengan deutschemark daripada tahap akhir tahun 1995 untuk mencapai tahap DM1=RM1.6894 pada akhir bulan Ogos 1996.

RENCANA 5:

PIAWAIAN PENYEBARAN DATA KHAS

Tujuan Piawaian Penyebaran Data Khas (Special Data Dissemination Standard atau SDDS) ialah untuk membantu negara-negara menyalur statistik ekonomi dan kewangan yang komprehensif, tepat, mudah diperolehi, dan boleh dipercayai kepada pihak awam. Dalam pasaran kewangan yang semakin dipengaruhi oleh proses globalisasi, amatlah perlu data ekonomi dan kewangan diperolehi dengan mudah oleh pihak awam untuk membuat penilaian. Krisis kewangan Mexico pada lewat tahun 1994, jelas menunjukkan bahawa disebabkan ekonomi dunia semakin berintegrasi dan terbuka, saiz, kelajuan dan impak krisis kewangan boleh melarat dengan teruk. Untuk mengelakkan krisis seumpama itu berlaku pada peringkat global, masyarakat antarabangsa bersetuju bahawa pengawasan yang lebih rapi diperlukan ke atas ekonomi negara-negara. Kualiti pengawasan pula bergantung kuat kepada tersedianya data yang sahih dan yang boleh dipercayai. Melalui Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund- IMF), negara-negara anggota telah menyokong penubuhan Piawaian Penyebaran Data Khas.

Pada April 1996, Jawatankuasa Sementara IMF telah bersetuju menerima SDDS yang kini dibuka kepada ahli-ahli yang telah ataupun yang ingin memasuki pasaran modal antarabangsa. Penglibatan dalam SDDS adalah sukarela. Objektif SDDS pula ialah untuk menggalakkan penerbitan data ekonomi yang tepat pada waktu supaya boleh digunakan oleh peserta-peserta pasaran untuk menilai prospek dan dasar-dasar sesebuah negara itu. SDDS mempunyai empat dimensi:

- (i) **Liputan, kekerapan dan ketepatan masa:** SDDS tertumpu kepada data-data penting yang memberi gambaran prestasi ekonomi dan dasar dalam sektor benar fiskal, kewangan dan luaran. Piawaian ini menetapkan liputan minimum yang perlu tetapi negara-negara digalakkan untuk menyebar data lain-lain yang relevan. Liputan minimum termasuklah rangkakerja statistik yang komprehensif - akaun negara untuk sektor benar, data fiskal untuk operasi kerajaan, akaun sistem perbankan yang dianalisis untuk data kewangan dan akaun imbalan pembayaran untuk aktiviti luaran;

- (ii) **Boleh didapati oleh orang awam:** Data yang tersedia dan mudah diperolehi amatlah perlu kepada pihak awam, termasuk mereka yang berkecimpung dalam pasaran kewangan. Untuk membantu kearah ini, SDDS memperuntukkan supaya takwim penyebaran data dibuat dengan awal dan juga supaya penyebaran data itu dilakukan serentak kepada semua pihak yang memerlukan;

- (iii) **Integriti:** Untuk membantu pengguna menilai integriti data, SDDS memberi beberapa jaminan kepada pengguna, termasuk penyebaran tentang syarat dan keadaan sesuatu data rasmi itu dihasilkan, termasuklah syarat berkaitan dengan kerahsiaan setiap maklumat; mengenalpasti pihak berkuasa yang boleh dihubungi sebelum sesuatu sebaran dibuat; mengenalpasti ulasan kementerian pada waktu statistik diterbitkan; dan maklumat mengenai penyemakan semula maklumat serta pengumuman awal tentang sebarang perubahan besar kepada metodologi; dan

- (iv) **Kualiti:** Walaupun kualiti sukar untuk dinilai, elemen-elemen tertentu adalah penting untuk membolehkan pengguna menilai kualiti maklumat yang terdapat dalam piawaian tersebut. Untuk maksud ini, SDDS menetapkan supaya disebarkan dokumentasi mengenai metodologi dan sumber-sumber yang digunakan dalam penyediaan statistik; butiran lanjut tentang komponen data; penyelarasan data yang berkaitan; serta rangkakerja statistik yang menyokong pemeriksaan semula statistik dan meyakinkan kesahihannya.

Sehingga 19 September 1996, bila IMF melancarkan Papan Buletin Piawaian Penyebaran (Dissemination Standard Bulletin Board atau DSBB) di INTERNET, sebanyak 34 daripada 181 negara ahli IMF telah menyertai SDDS. Kumpulan pertama ini dianggotai oleh campuran negara-negara maju, membangun dan ekonomi dalam peralihan. Malaysia telah menyertai SDDS pada 21 Ogos 1996. Negara ASEAN lain yang turut menyertai piawaian ini adalah Singapura, Thailand dan Filipina. Kebanyakan daripada 34 negara yang menyertai piawaian ini dijangka mengambil masa hampir dua tahun untuk melaksanakan kesemua peruntukan di bawah piawaian khas tersebut. Dengan pelancaran SDDS pada 19

September 1996, bermulalah suatu fasa dua tahun di mana IMF dan negara-negara anggota akan menyemak dan mungkin mengubahsuai piawaian asal yang telah dipersetujui pada awal tahun 1996 untuk menangani kebimbangan yang meluas mengenai ketulusan data.

DSBB mengandungi maklumat "metadata" mengenai data yang disebar dan prosedur penyebaran untuk setiap negara peserta. IMF

kini sedang berusaha ke arah membekalkan papan buletin ini dengan kemudahan "hyperlink" yang membolehkan pengguna-pengguna beralih secara langsung dari metadata sesebuah negara itu kepada data ekonomi dan kewangan sebenar negara yang berkenaan. Kemudahan "hyperlink" ini hanyalah akan diperkenalkan untuk negara-negara yang menginginkannya melalui INTERNET, dan akan mengambilkira keadaan tertentu negara berkenaan sebelum tarikh penyambungan ditetapkan.